



Mhi ملک هاری این
MELAKA HARIINI

PKP 2.0

Kelangsungan norma baharu

PELAKSANAAN PKP 2.0 yang dilanjutkan sehingga 4 Februari ini, dilihat sebagai satu cabaran buat rakyat Melaka dalam mengharungi rutin norma baharu secara berterusan.

Malah pelbagai langkah telah diambil kerajaan bagi memastikan kesejahteraan rakyat khususnya dalam perkhidmatan awam dan sektor ekonomi mampu dipertahankan. **2 & 3**

Misteri Villa Nam Hoe ²²



Eksklusif
MHI

PKP 2.0 : Negara rugi RM600 juta sehari berbanding RM2.4 billion pada PKP 1.0

Faiz Hasan

AYER KEROH - Malaysia merekodkan kerugian RM600 juta sehari sejak pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 2.0 bermula 13 Januari lalu berbanding RM2.4 bilion pada PKP 1.0 pada Mac 2020.

Pengarah Majlis Keselamatan Negara (MKN) Melaka, Mohd Nasrul Menhat berkata, penurunan jumlah kerugian itu susulan keputusan kerajaan membenarkan beberapa sektor ekonomi penting beroperasi.

Katanya, lima sektor yang dibenarkan termasuk pengilangan dan pembuatan, pembinaan, perkhidmatan, perdagangan dan pengedaran, serta perlادangan dan komoditi sekali gus memastikan kegiatan ekonomi terus berjalan.

"Biarpun dalam tempoh ini kerajaan mengalami kerugian RM600 juta sehari bagaimanapun ia sekurang-kurangnya memberi peluang kepada kegiatan ekonomi negara dalam tempoh PKP yang terlaksana di negeri terlibat," katanya dalam temubual eksklusif bersama Melaka Hari Ini.

Katanya, susulan kerugian yang dicatatkan pada PKP 1.0 itu pelbagai langkah diambil kerajaan bagi memastikan kesejahteraan rakyat khususnya dalam perkhidmatan awam dan sektor ekonomi mampu dipertahankan.

"Penilaian tersebut telah diambil kira dalam perlaksanaan PKP 2.0 bagi memastikan



MOHD Nasrul. Foto: MR. Azli

kan impak ekonomi mampu dimanfaat biarpun dalam tempoh membendung penularan pandemik COVID-19.

"Kelonggaran diberi dengan membenarkan lima sektor terbabit beroperasi dan mengelak kegiatan ekonomi terhenti disebabkan kawalan yang ketat," katanya.


Dalam pada itu, beliau berkata, MKN negeri akan melaksanakan pelbagai langkah bagi memperjelaskan prosedur operasi standard (SOP) kepada pemain industri termasuk peniaga.

Katanya, beliau maklum berlaku kekeliruan dalam kalangan peniaga di negeri ini

bagi beroperasi dalam tempoh PKP di laksanakan.

"Ia berikutnya ada beberapa sektor yang dibenarkan dan tidak dibenarkan beroperasi semasa PKP. Antara kekeliruan yang timbul mengenai perniagaan berorientasikan rumah ibadah, kedai jam dan kedai fotostat.

"MKN sudah memperincikan hal ini dalam mesyuarat pada Jumaat lalu (22 Januari). Antara langkah diambil kita mengeluarkan info grafik yang mudah difahami peniaga mengenai jenis perniagaan yang dibenarkan dan tidak dibenarkan beroperasi," katanya.



Urusan kerja patuh SOP

Farah Suhaidah Othman

BAGI mengekang penularan wabak COVID-19 ketika berurus, kaunter perkhidmatan agensi kerajaan serta swasta mengamalkan pematuhan ketat prosedur operasi standard (SOP) sepanjang waktu pengoperasian termasuk mengutamakan janji temu yang dibuat secara dalam talian.

Bagi urusan kaunter Jabatan Imigresen Melaka, Pemangku Pengarhnya, K Vishnutharan berkata, pejabat dan kaunter imigresen dibuka berdasarkan Sistem Temujanji Online (STO) yang boleh dilayari menerusi laman sesawang jabatan berkenaan.

Katanya, pihaknya juga menetapkan jumlah kakitangan yang bertugas di kaunter berdasarkan jumlah pelanggan yang berurus dalam tempoh waktu operasi bermula jam lapan pagi hingga lima petang.

"Kebanyakan anggota

Imigresen Melaka bertugas di lapangan, jadi kita tetapkan hanya 30 peratus sahaja berada di pejabat termasuk beberapa petugas berkhemat di kaunter bagi tujuan urus niaga yang dibuat secara STO," katanya ketika dihubungi Melaka Hari Ini.

Sementara itu, Pengarah Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) negeri, Muhammad Firdaus Shariff berkata, operasi kaunter perkhidmatan berjalan seperti biasa namun hanya mengehadkan kepada transaksi kenderaan perdagangan sahaja termasuk pembaharuan lesen memandu dan Lesen Kenderaan Motor (LKM).

"Bagi urusan persendirian seperti memperbaharui LKM, lesen memandu kompeten (CDL), bayaran kompaun, tukar hak milik kenderaan dilaksanakan secara dalam talian sama menggunakan portal MySIKAP mahupun platform

rakan niaga.

"Ketetapan kakitangan JPJ dihadkan sebanyak 80 peratus di pejabat manakala selebihnya bertugas di lapangan bagi membangun pemantauan sepanjang PKP dilaksanakan," katanya.

Bagi agensi kewangan, pengurus besar premis kewangan yang namanya enggan didedahkan berkata, hanya urusan urusniaga membabitkan pembukaan buku akaun dibenarkan beroperasi dalam tempoh PKP 2.0 bermula jam sembilan pagi hingga dua petang sahaja.

Katanya, jumlah kakitangan yang bekerja bagaimanapun berbeza mengikut cawangan namun anggaran kira-kira 50 peratus sahaja dibenarkan hadir ke pejabat secara giliran mingguan.

"Waktu operasi pejabat bermula jam 9.30 pagi hingga empat petang namun sekiranya kakitangan sudah selesai menjalankan tugas-tugasnya, individu berkenaan dibenarkan pulang ke rumah.


"Malah agensi itu turut menawarkan pembungkusan makanan percuma kepada kakitangan bagi menjimatkan masa operasi," katanya.



PENGUNJUNG
yang hadir
mematuhi
SOP
dengan cara
penjarakan
sosial ketika
berurus
di kaunter
JPJ di
Bukit Katil.
Foto: MR. Azli

WAKTU SOLAT

	SUBUH	SYURUK	ZOHOR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
25 JANUARI 2021	6.03 am	7.23 am	1.24 pm	4.47 pm	7.25 pm	8.37 pm
26 JANUARI 2021	6.03 am	7.23 am	1.24 pm	4.48 pm	7.25 pm	8.38 pm
27 JANUARI 2021	6.03 am	7.23 am	1.25 pm	4.48 pm	7.25 pm	8.38 pm
28 JANUARI 2021	6.03 am	7.23 am	1.25 pm	4.48 pm	7.26 pm	8.38 pm
29 JANUARI 2021	6.04 am	7.23 am	1.25 pm	4.48 pm	7.26 pm	8.38 pm
30 JANUARI 2021	6.04 am	7.24 am	1.25 pm	4.48 pm	7.26 pm	8.38 pm
31 JANUARI 2021	6.04 am	7.24 am	1.26 pm	4.48 pm	7.26 pm	8.38 pm



AMIRUL Haffiz mempromosikan produk yang dijualnya secara dalam talian selepas hilang pekerjaan ketika ditemui di kediamannya di Taman Kuala Permai, Kuala Sungai Baru. Foto: MR. Azli

Bangkit walaupun tersungkur

Faiz Hasan

KUALA LINGGI - Kehilangan pekerjaan menjadi satu 'mimpi ngeri' buat individu, apakah lagi pada saat dunia dilanda krisis kesihatan global akibat penularan pandemik COVID-19.

Muhamad Amirul Haffiz Abdul Rohim, 28, antara yang berdepan situasi getir itu apabila diberhentikan kerja pada Oktober tahun lepas di sebuah syarikat swasta selepas operasi syarikat tersebut turut terkesan akibat pandemik tersebut.

Katanya, ia memberikan kesan yang amat mendalam buat dirinya kerana kehilangan punca pendapatan dalam masa singkat, di samping turut perlu memikirkan pendapatan alternatif bagi menampung pendapatan keluarga.

"Amat kecewa dan menyedihkan sebaik menerima surat yang saya diberhentikan dengan alasan COVID-19, sedangkan hampir empat tahun saya berkhidmat di

syarikat terbabit, malah ketika itu hampir 13 kakitangan diberhentikan serta merta.

"Dalam keadaan tertekan, saya terus mencari peluang pekerjaan yang setaraf dengan kelayakan pendidikan hingga ke jawatan gred rendah," katanya kepada Melaka Hari Ini.

Anak sulung dari tiga beradik itu turut berkongsi, dia tidak membuang masa, malah menyusun langkah memulakan perniagaan berasaskan kerepek demi kelangsungan hidupnya sekeluarga.

"Apabila melihat sambutan yang diterima hasil jualan dari sepupu saya yang menjadi ejen, saya terus diberi sokongan termasuk pelanggan sendiri yang mengesyorkan agar memulakan perniagaan sendiri.

"Dengan bermodalkan RM850 hasil simpanan sendiri termasuk Bantuan Sara Hidup (BSH) yang masih disimpan, saya memulakan perniagaan pelbagai jenis kerepek

ini di rumah," katanya.

Menurut Amirul Haffiz, berbekalkan ilmu asas perniagaan yang ada dia menggunakan perkhidmatan kiriman wang perdagangan (COD) di seluruh Melaka, selain menggunakan perkhidmatan penghantaran melalui sistem dalam talian.

Biarpun dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), dia menerima surat kebenaran Polis menjadikan perniagaannya itu mampu dikembangkan dan menerima lebih 30 pesanan sehari.

"Alhamdulillah, berkat kesabaranku dan restu mak dan ayah, perniagaan kecil-kecilan ini berjalan dengan lancar tanpa perlu memohon mana-mana modal mahupun pinjaman dalam perniagaan ini."

"Apa pun saya tidak menolak jika diberikan tawaran kerajaan sebagai usahawan muda di negeri ini untuk mengembangkan perniagaan dengan tawaran geran percuma atau apa peluang pun kepada saya," tambahnya.

gaaan penghantaran ikan bakar atau lauk lain berdasarkan permintaan pelanggan.

"Alhamdulillah, kedua-dua perniagaan ini mendapat sambutan menggalakkan sehingga ada kalanya mampu meraih jualan RM3,000 sehari," katanya.

Menceritakan permintaan yang diterima, Siti Hartika yang mesra di sapa Kak Ika dalam kalangan pelanggannya berkata, dia terpaksa mengehadkan tempahan lauk mentah kepada hanya 20 buah rumah sehari kerana tidak menang tangan menyiapkan tempahan.

"Dulu masa mula-mula saya memang ada mengajukan pekerjaan namun ada beberapa faktor, kini hanya saya dan dibantu anak menyiapkan tempahan sebab itu terpaksa hadkan jumlah pesanan."

"Namun saya bersyukur kerana setidak-tidaknya rezeki yang ada ini dapat juga saya berkongsi dengan penghantar pesanan atau 'runner' yang membuat penghantaran di seluruh Melaka."

Antara lauk mentah siap siang (bersih) yang ditawarkan adalah ikan siakap, ikan merah, ikan kembung, ayam, udang, sotong dan ketam dengan pakej serendah RM30 hingga RM80 mengikut jenis lauk.

Manakala bagi menu ikan bakar pula, ia dijual pada harga serendah RM10 hingga RM20 untuk lauk seperti ikan siakap, kerang, cencaru, ayam, ikan pari, ikan keli selain nasi lemak yang dijual dengan harga RM1.50 sebungkus.



SITI Hartika dibantu anaknya, Muhammad Fazrin membersihkan lauk mentah bagi memenuhi pesanan pelanggan yang dibuat menerusi dalam talian.

"Malah, sebaik sahaja duit KWSP itu diperoleh awal Januari lalu, saya terus menggunakaninya untuk membersihkan dan menambah simen di depan dan tepi rumah untuk membuka warung makan kerana mendapat permintaan daripada pelanggan lauk mentah yang dijual sebelum ini,"

katanya.

Namun jelasnya, hasrat itu terputus di tengah jalan apabila kerajaan mengumumkan pelaksanaan PKP 2.0 yang mungkin dilanjutkan berdasarkan angka kes baharu COVID-19 menunjukkan peningkatan.

"Jadi suka atau tidak, saya dan

suami terpaksa reda dan tidak boleh mengeluh sebaliknya berusaha menjadikan PKP 2.0 ini sebagai sumber rezeki sebagaimana PKP terdahulu.

"Kalau PKP lalu saya 'melahirkan' perniagaan lauk mentah, saya fikir mengapa tidak PKP 2.0 ini suami pula 'melahirkan' pernia-

PERMAI hadir tepat pada masanya - Sulaiman

SERI NEGERI – Paket bantuan tambahan, Perlindungan Ekonomi dan Rakyat Malaysia (PERMAI) bernilai RM15 bilion seperti yang diumumkan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin disifatkan hadir tepat pada masanya.

Ketua Menteri, Datuk Seri Utama Haji Sulaiman Md Ali berkata, pihak kerajaan negeri menyambut baik langkah tersebut, berikutan ia diyakini dapat membantu dalam menjamin kehidupan rakyat dan kelangsungan aktiviti ekonomi serta perniagaan rentetan penularan wabak COVID-19.

Menurut beliau, kehidupan rakyat di Melaka dan seluruh negara amnya begitu terkesan selepas berlakunya peningkatan kes positif daripada penularan wabak COVID-

19 sehingga menyebabkan Kerajaan Persekutuan mengisytiharkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di seluruh negara, yang berkuat kuasa sehingga 1 Ogos 2021, selain turut melaksana Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 2.0 di beberapa negeri dan daerah tertentu termasuk di seluruh Melaka sendiri.

“Kedua-dua keadaan itu telah menyebabkan kehidupan rakyat khususnya di Negeri Melaka begitu terkesan, manakala aktiviti ekonomi dan kegiatan perniagaan terutama yang berkaitan dengan sektor pelancongan di Melaka telah terjejas dengan teruk.

“Diharap dengan pengumuman paket bantuan terbaharu itu, ia dapat membantu meringankan bebanan rakyat, selain menjamin ke-

langsungan aktiviti ekonomi dan kegiatan perniagaan,” katanya dalam satu kenyataan baru-baru ini.

Dalam pada itu, Sulaiman turut mengalaukan bantuan sekali bayar (*one-off*) kepada golongan rakyat, termasuk yang terlibat secara langsung dengan sektor pelancongan yang cukup sinonim dengan Melaka.

“Misalnya, bantuan one-off RM500 kepada pemandu pelancong, pemandu teksi, pemandu bas persiaran, kereta sewa dan e-hailing, diharapkan dapat membantu golongan terbabit.

“Bagi pihak Kerajaan Melaka, saya amat berharap agar pengayuh beca yang terlibat secara langsung dalam mempromosikan sektor pelancongan negeri, juga dapat diper-



SULAIMAN...Beliau berharap pengayuh beca yang terlibat secara langsung dalam mempromosikan sektor pelancongan negeri, juga dapat dipertimbangkan untuk diberikan bantuan yang sama, seperti pemandu pelancong dan sektor yang terlibat.

timbangkan untuk diberikan bantuan yang sama, seperti pemandu pelancong dan sebagainya,” ujarnya.

Dikesempatan sama, beliau turut menzahirkan harapan agar rakyat dan komuniti perniagaan

yang akan menerima manfaat langsung daripada paket bantuan tersebut agar dapat menggunakan segala bantuan dan inisiatif yang disediakan dengan sebaik mungkin tanpa menyalahgunakannya.

PKP di Melaka dan enam negeri dilanjutkan

KUALA LUMPUR - Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di tujuh negeri yang sebelum ini dijadual tamat pada 26 Januari dilanjutkan hingga 4 Februari ini.

Negeri-negeri berkenaan ialah Pulau Pinang, Selangor, Melaka, Johor, Sabah, Kelantan serta Wilayah Persekutuan (Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan).

Menteri Kanan (Kluster Keselamatan) Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata keputusan itu dibuat berdasarkan penilaian risiko dan nasihat Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) selepas kesemua negeri berkenaan masih menunjukkan trend peningkatan kes positif harian COVID-19.

Susulan pelanjutan tempoh berkenaan, tarikh tamat kesemua negeri yang dikenakan PKP kini adalah sama, kata Ismail Sabri yang juga Menteri Pertahanan pada sidang media mengenai perkembangan PKP di sini, pada 21 Januari lepas.

Beliau berkata sehingga 20 Januari, Selangor mencatat kes kumulatif COVID-19 sebanyak 50,636 kes, Sabah (45,008 kes), Kuala Lumpur (19,411 kes), Johor (14,539 kes) dan Pulau Pinang (6,540 kes).

Sementara kes kumulatif di Kelantan sebanyak 2,387 kes, Melaka (2,370 kes), Labuan (1,919 kes) dan Putrajaya (637 kes).

Dalam pada itu, Ismail Sabri turut mengumumkan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Asrama Pekerja Westlite, Taman Perindustrian Tampoi Jaya, Johor ditamat-



KETUA MENTERI Datuk Seri Utama Haji Sulaiman Md Ali menyampaikan sumbangan kepada petugas barisan hadapan di sekitar jalan raya (SJR) Kuala Linggi sambil disaksikan Yang di-Pertua Negeri Melaka Tun Seri Setia (Dr.) Mohd Ali Mohd Rustam (kiri) pada 22 Januari lepas.

kan mengikut jadual.

Beliau berkata sepanjang tempoh PKPD di tempat ber-

Kerajaan setuju operasi kedai makan & restoran dilanjutkan Sehingga 10.00 Malam

Berkuatkuasa
22 Januari 2021

kenaan sejak 26 Disember lepas, sebanyak 1,585 penghuni disaring dan daripada jumlah itu 682 penghuni dikehnil pasti positif COVID-19.

“Penilaian dilakukan Kementerian Kesihatan dalam tempoh berkenaan juga mendapat trend menunjukkan penurunan dan kes akhir dikehsan adalah pada 15 Januari lepas dan tiada lagi sampel yang menunggu keputusan setakat ini,” katanya.

Ismail Sabri juga berkata Jabatan Pegawai Negara akan mengkaji dan meneliti perundungan yang boleh dilaksana sepanjang tempoh darurat,

contohnya menaikkan kompaun kepada majikan atau individu yang ingkar SOP.

“Saya harap ia akan dipersepatkan supaya kita boleh laksana segera kerana saya lihat banyak syarikat yang ambil mudah, kompaun RM1,000 terlalu rendah bagi mereka,” katanya.

Selain itu, beliau berkata mana-mana majikan yang menyembunyikan status kes positif COVID-19 pekerja masing-masing akan diambil tindakan di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342). -BERNAMA

PKP DI SELURUH NEGERI MELAKA

DILANJUTKAN
SEHINGGA
04 FEBRUARI 2021

Bersama Rentikan Sabak Covid-19

Majlis Keselamatan Negara (Rasm) @mkn_rasm Majlis Keselamatan Negara (Rasm) @mkn_rasm

Kakitangan awam beragama Hindu boleh mohon cuti Thaipusam

SERI NEGERI - Tiada halangan buat kakitangan awam beragama Hindu di Melaka mengambil cuti dalam tempoh penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 2.0 bagi menyambut Hari Thaipusam pada 28 Januari ini, lapor akhbar The Star pada 22 Januari lepas.

Jaminan itu diberikan Ketua Menteri, Datuk Seri Utama Haji Sulaiman Md Ali yang turut menegaskan

kan pihak serius dalam soal memelihara identiti dan budaya setiap masyarakat berbilang bangsa.

"Kerajaan negeri tidak menghalang kira-kira 100 kakitangan awam yang memohon cuti Thaipusam daripada ketua jabatan masing-masing.

"Kita serius dalam memelihara identiti budaya masyarakat berbilang bangsa dan tidak menafikan

hak masyarakat tempat untuk mempraktikkan upacara keagamaan mereka," lapor akhbar itu.

Sementara itu, Sulaiman juga dilapor meminta Kementerian Kesihatan untuk membentarkan doktor beragama Hindu mengambil cuti seperti dipraktikkan dalam pentadbiran kerajaan terdahulu.

Selain itu beliau juga berharap majikan sektor swasta membenar-

kan pekerja masing-masing mengambil cuti Thaipusam.

Thaipusam biasanya disambut dengan cuti umum di Kuala Lumpur, Putrajaya, Johor, Negeri Sembilan, Perak, Pulau Pinang dan Selangor sahaja.

Untuk rekod pada Oktober lalu, Persatuan Perubatan Malaysia (MMA) dilaporkan menasihati supaya sambutan Thaipusam pada

tahun ini tidak diadakan secara besar-besaran seperti yang berlangsung saban tahun berikutnya ancaman pandemik COVID-19.

Presidennya, Prof Datuk Dr M Subramaniam, dilapor berkata, adalah mustahil untuk mematuhi prosedur operasi standard (SOP) dengan jutaan penganut Hindu dan orang ramai yang membanjiri kuil pada sambutan Thaipusam.

Penganjuran Karnival Penjana Kerjaya Melaka Bergantung situasi semasa COVID-19 - EXCO

Liana Sahabudin

AYER KEROH – Keputusan penganjuran Karnival Penjana Kerjaya Melaka hujung Februari depan belum muktamad dan bergantung kepada situasi semasa pendemic COVID-19.



STATISTIK KADAR PENGANGGURAN DI MELAKA PADA SUKU KETIGA 2019 & 2020 (SUKU KETIGA JULAI-SEPTMBER)

Suku Ketiga tahun 2019 : 1.6 peratus (6,800 orang)

Suku Ketiga tahun 2020 : 2.5 peratus (10,600 orang)

Sumber Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Melaka

Pengerusi Jawa-Tankuusa Perpaduan, Hubungan Masyarakat, Tenaga Kerja dan Hal Ehwal Pengguna negeri, Datuk Ar Ismail Oth-



IMBAS KEMBALI...Karnival Penjana Kerjaya 'Melaka CareerTrans 2020' anjuran Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) pada 19 Ogos 2020 mendapat sambutan menggalakkan.

man berkata, sekiranya penularan wabak COVID-19 terus meningkat pada masa itu, karnival akan ditangguhkan dan mungkin dibuat secara dalam talian.

Menurutnya, keputusan itu bagi mengelakkan sebarang kemungkinan yang membawa kepada penu-

laran wabak itu yang lebih kritikal di negeri ini.

"Sebab itu saya katakan jika keadaan negeri kita kembali aman dan wabak COVID-19 ini semakin berkurang, baru buat."

"Selagi tidak aman (kes meningkat) kita tak buat kerana saya tidak

mahu karnival ini menjadi penyebab penularan wabak ini," katanya kepada pemberita di Menara Persekutuan, baru-baru ini.

Ismail sebelum ini menyasarkan kira-kira 15,000 pencari kerja di negeri ini akan menyertai karnival berkenaan.

PKP 2.0: Tiada pekerja sektor pelancongan diberhentikan

Mohamad Fazrul Abdul Majid

AYER KEROH - Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 2.0 tidak menyebabkan mana-mana individu yang bekerja dalam sektor pelancongan di negeri ini hilang pekerjaan.

Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Warisan dan Kebudayaan Negeri Datuk Muhammad Jailani Khamis berkata, setakat ini tiada maklumat diterima mengenai penutupan operasi sektor pelancongan, mahupun individu hilang pekerjaan, namun pi-

haknya akan terus memantau perkara berkenaan.

Jelasnya, jika didapati ada di antara pekerja sektor pelancongan yang diberhentikan, pihaknya sedia membantu dengan menawarkan peluang pekerjaan baru dalam sektor yang sama berdasarkan kelayakan mereka.

"PKP 2.0 ini adalah sesuatu yang kita tidak jangka sebenarnya. Namun sehingga kini saya difahamkan kita belum berada pada tahap bahaya hingga menyebabkan ada yang hilang kerja."

"Kita yakin, situasi ini tidak akan berlarutan lama dan semua sektor yang ada masih mempunyai upaya untuk bertahan."

"Tapi jika ada yang kita dapat hilang sumber pendapatan dalam tempoh ini, kita akan memberi peluang pekerjaan baru berikutnya ada banyak projek-projek pelancongan baharu sedang kita usahakan kini," katanya kepada Melaka Hari Ini.

Mengulas lanjut, Muhammad Jailani berkata Melaka selaku negeri pelancongan boleh dianggap berna-

sib baik memandangkan kesemua agensi pelancongan mengamalkan dasar simpanan rizab sendiri, sekali gus membolehkan mereka terus bertahan dalam tempoh-tempoh sukar.

"Dasar kita memang meminta semua agensi pelancongan membuat satu rizab daripada hasil tahun-tahun terdahulu dan itu sangat membantu kita untuk bertahan sepanjang sektor pelancongan ditutup pada PKP dan PKP 2.0."

"Pada masa sama, kita akan terus mencari pelaburan

baru melalui kerjasama syarikat swasta bagi membolehkan kita membangunkan produk pelancongan terkini yang mampu menarik kehadiran pelancong ke negeri ini," ujarnya.

Dalam pada itu, mengulas sama ada kalender pelancongan Melaka 2021 terjejas susulan PKP 2.0, Muhammad Jailani menzahirkan kepercayaan semua yang telah dirancangkan akan diteruskan mengikut jadual.

"Jika PKP ini tidak berlarutan lama, kita akan merangka strategi baharu," katanya lagi.



MUHAMMAD Jailani
pelancongan tahun ini. Namun, sekiranya PKP dilanjutkan lebih lama, kita akan merangka strategi baharu," katanya lagi.

Ops Benteng catat kejayaan besar

KUALA LINGGI – Pelaksanaan Ops Benteng yang dikuasakan bermula Mei tahun lalu nyata menunjukkan keberkesanannya apabila berlaku penurunan ketara membabitkan penahanan pendatang asing tanpa izin (PATI) yang cuba menyeludup masuk ke negeri ini.

Timbalan Ketua Polis Melaka Datuk Sharul Lalli Masduki berkata, sepanjang tahun lalu hanyalah 39 PATI ditahan di negeri ini, berbanding 89 orang pada 2019.

Katanya, ia membuktikan keberkesanannya operasi bersepadu yang dijalankan oleh pelbagai agensi seperti

Polis Diraja Malaysia (PDRM), Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Agensi Pengawalaan Maritim Malaysia (APMM), Jabatan Kesihatan Negeri Melaka, Jabatan Imigresen serta Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dengan kekuatan seramai 256 anggota.



AGENSI Penguasa APMM dan Pasukan Polis Marin bersedia mengawasi perairan Selat Melaka dalam Ops Benteng. Foto: MR. Azli

Terdapat tiga elemen yang kita gunakan sepanjang Ops Benteng iaitu ialah elemen laut membabitkan APMM, Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) dan Pasukan Polis Marin. Ia diikuti kawalan pesisir pantai oleh ATM, manakala kawalan di darat pula membabitkan anggota polis.

“Kita percaya ketiga-tiga elemen ini menunjukkan keberkesanannya sepanjang 2020 apabila kita dapat mengurangkan kemasukan PATI.

“Ia juga memberi gambaran melalui Ops ini PATI terpaksa memikirkan banyak kali untuk merentas Selat Melaka terutamanya mendarat di negeri ini,” katanya.

Beliau berkata demikian selepas menyampaikan taklimat Ops Benteng kepada Yang di-Pertua Negeri Melaka Tun Seri Setia (Dr.) Mohd Ali Mohd Rustam dalam satu lawatan ke Markas Taktikal Pasukan Gerakan Marin Kuala Linggi, pada 21 Januari lepas.

Mengulas lanjut, Sharul Lalli berkata, Daerah Alor Gajah atau lebih khusus di sekitar Kuala Linggi telah dikenal pasti menjadi lokasi ‘panas’ kema-

sukan PATI ke negeri ini berikutan kawasan itu berhampiran dengan negara jiran Indonesia, iaitu dengan anggaran jarak sekitar 74 kilometer sahaja.

Ujarnya, jarak itu membolehkan PATI sampai ke Melaka dalam tempoh anggaran satu jam 30 minit sahaja jika menggunakan bot dengan enjin berkapasiti 200 kuasa kuda dan menyasarkan Rumah Api Tanjung Tuan sebagai panduan untuk masuk ke negeri ini.

Justeru, pihaknya bercadang untuk mendirikan pos pemantau di sekitar pantai

Melaka atau lokasi tumpuan bagi memastikan kejayaan membanteras penyeludupan PATI dapat diteruskan di masa akan datang.

“Kita juga berharap orang ramai dapat memberi maklumat sekiranya berlaku kegiatan tidak sah di sisi undang-undang, tidak kiralah membabitkan PATI mahu pun menjahat lain.

“Insya-Allah, melalui maklumat itu, pihak berkuasa dapat bekerjasama dalam melaksanakan pengawalaan undang-undang ke atas mereka yang tidak bertanggungjawab,” katanya.



KPDNHEP memutuskan untuk meletakkan had tiga paket minyak masak satu kg bagi setiap transaksi.

PKP 2.0: Bekalan makanan mencukupi

AYER KEROH - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) menegaskan bekalan bahan makanan di negeri ini mencukupi dalam tempoh sepanjang pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 2.0.

Pengarah KPDNHEP Melaka, Norena Jaafar memberi jaminan bekalan bahan makanan dan keperluan harian lain mencukupi.

“Bekalan bahan makanan di negeri ini sentiasa mencukupi, saya mengingatkan orang ramai supaya jangan risau tentang bekalan makanan kerana di pihak kami sendiri akan membuat pemantauan dari semasa ke semasa setiap hari,” katanya kepada Melaka Hari Ini.

Ketika ditanya mengenai isukenaikan harga sayur di negeri ini, beliau menjelaskan ia disebabkan kesan penutupan pasar borong dalam tempoh PKP 2.0 serta pengeluar sayuran di Cameron Highland terputus akibat bencana banjir.

“Isu harga sayur ada peningkatan 30 hingga 70 peratus dan ia disebabkan pen-



“Bekalan bahan makanan di negeri ini sentiasa mencukupi, saya mengingatkan orang ramai supaya jangan risau tentang bekalan makanan kerana di pihak kami sendiri akan membuat pemantauan dari semasa ke semasa setiap hari.”

Norena Jaafar,
Pengarah KPDNHEP Melaka,



utupan pasar borong dalam tempoh PKP 2.0, isu banjir di Cameron Highland sehingga menyebabkan bekalan sayur oleh pengeluar di sana terputus.

“Oleh itu, di Melaka, kebanyakan peniaga mengambil bekalan sayur organik di negeri ini dan kosnya agak mahal sedikit, disebabkan itu harga sayur naik sehingga 30 hingga 70 peratus,” jelasnya.

Din Ahmad

KPDNHEP pada 19 Januari lepas memutuskan untuk meletakkan had tiga paket minyak masak satu kilogram (kg) bagi setiap transaksi.

Norena Jaafar menegaskan, arahan berkenaan dieluarkan kepada peruncit dan pemilik pasar raya bagi membantu menstabilkan bekalan minyak masak paket berkenaan.

“Kami sudah keluarkan surat kepada semua peruncit dan pasar raya untuk hadkan penjualan minyak masak paket kepada pengguna.

“Kami menjangka kekurangan bekalan dalam pasaran mampu diatasi kurang daripada seminggu kerana sebelum ini kami sudah mengarahkan syarikat pembungkus bahan itu supaya beroperasi pada kadar 100 peratus,” katanya.

Beliau menjelaskan, berikutnya arahan itu, pemantauan pegawai penguasa agensi berkenaan mendapati sudah ada peruncit mula menerima bekalan.

Katanya, tindakan syarikat pengeluar minyak masak mempercepat penghantaran kepada syarikat pembungkus turut membantu mengatasi kekurangan bekalan di pasaran.

Sehubungan itu, beliau mengingatkan orang ramai supaya tidak membeli bahan masakan itu setiap hari untuk membuat stok di kediaman masing-masing.

13,964 calon peperiksaan di Melaka kembali ke sekolah

AYER KEROH – Seramai 13,964 calon yang akan menduduki peperiksaan utama 2020 di negeri ini pada Februari dan Mac depan, memulakan sesi persekolahan pada 20 Januari lepas.

Pengarah Pendidikan Melaka Dr Mohd Azam Ahmad berkata, daripada jumlah itu 11,436 adalah pelajar Sijil pelajaran Malaysia (SPM) dan 1,225 pelajar Sijil Tinggi Persekutuan Malaysia (STPM) 2020 di 77 se-

kolah di Melaka.

“Selain itu, seramai 103 pelajar akan menduduki Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) 2020, 305 Sijil Vokasional Malaysia (SVM) 2020, 134 Ujian Pencapaian Bahasa Antarabangsa (UPBA) 2020, 303 Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) 2020 dan bakinya 458 melibatkan Diploma Vokasional Malaysia (DVM) 2020,” katanya kepada Melaka Hari Ini.

Dalam pada itu, Pengurus Ja-

watankuasa di Jabatan Ketua Menteri (Pendidikan, Pengajian Tinggi, Teknikal & Vokasional Sains dan Inovasi) negeri, Datuk Noor Effandi Ahmad meminta ibu bapa tidak bimbang dengan keselamatan anak-anak yang perlu mengikuti sesi pengajaran dan pembelajaran (PdP) secara bersemuka memandangkan sekolah adalah tempat paling selamat berbanding tempat lain.

Jelasnya, pihak sekolah tidak



ANTARA sebahagian pelajar di SMK Bukit Baru yang akan menduduki peperiksaan utama, hadir memulakan sesi persekolahan pada 20 Januari lepas. Foto MR Azli



SALAH seorang pelajar ketika memasuki pintu masuk SMK Bukit Baru.

akan sesekali mengabaikan aspek keselamatan memandangkan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sudah merangka prosedur operasi standard (SOP) yang khusus bagi membendung penularan jangkitan COVID-19 dalam kalangan pelajar.

“Tiada apa yang perlu dibimbangkan kerana sekolah adalah institusi yang paling mematuhi SOP. Di sekolah guru-guru sendiri akan memantau pergerakan anak-anak daripada masuk ke sekolah, waktu rehat hingga waktunya pulang.

“Jadi tiada sebab untuk ibu bapa berasa curiga atau khawatir tentang anak-anak di sekolah memandang-

kan sekolah adalah kawasan yang lebih mematuhi SOP berbanding di pasar raya maupun tempat tumpuan dan pelancongan,” katanya.

Untuk rekod, pada sesi persekolahan bermula 20 Januari itu, hanya pelajar yang bakal menduduki peperiksaan utama termasuk peperiksaan antarabangsa yang setara sahaja dibenarkan ke sekolah.

Bagi semua murid sekolah rendah dan pelajar tingkatan satu hingga tingkatan lima di sekolah menengah pula perlu mengikuti pembelajaran melalui kaedah Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) mengikut kesesuaian guru serta murid mulai tarikh sama.

Calon SPM berdepan kekangan masa

Mohamad Fazrul Abdul Majid

tuk menghadapi SPM.

Walaupun tidak pernah ketinggalan mengikuti kelas dalam talian sejak sekolah ditutup namun, dia mengakui aspek komunikasi masih terbatas di antara pelajar dan guru-guru.

“Masa sebulan amat tidak cukup untuk mempunyai persiapan betul-betul rapi bagi menghadapi SPM memandangkan ‘batch’ kami lebih banyak melalui sesi pembelajaran secara dalam talian.

“Sesi pembelajaran dalam talian itu bukanlah tidak bagus, tetapi saya melihat ia masih belum cukup menyeluruh berbanding pembelajaran secara bersemuka yang sudah menjadi kebiasaan bagi pelajar yang akan menduduki peperiksaan,” katanya.

Beigutupun, Muhammad Syazril enggan menjadikan kekurangan itu penghalang untuknya mengecapi kejayaan, sebaliknya akan berusaha bersungguh-sungguh bagi memastikan kejayaan berada



“Masa yang ada kian suntuk.”

Norbalqis Fitri Mohd Shah, 18,

nanti.

“Diharapkan juga semua pihak dapat memberikan semangat dan sokongan padu kepada calon SPM 2020, agar kami kekal bersemangat pada waktu yang genting ini,” ujarnya.

Nada sama disuarakan Norbalqis Fitri Mohd Shah, 18, yang mengakui masa yang ada kian suntuk untuk melakukan pecutan terakhir menghadapi SPM.

Pelajar SMK Tun Tijah bagaimanapun menarik nafas lega kerana sekolah kembali dibuka untuk membolehkan sesi pembelajaran secara bersemuka di antara pelajar dan guru dapat dilakukan sebelum menghadapi peperiksaan.

“Sebelum ini memang susah sebab bila ulang kaji pelajaran dan ada subjek yang kita tak faham, sukar untuk kita dapatkan penjelasan. Nak tanya kawan-kawan pun ada kekangan sebab ada juga yang tidak mempunyai kemudahan Internet.



MUHAMMAD Syazril ketika mengulang kaji pelajaran sebagai persiapan hadapi peperiksaan SPM di rumahnya di Cheng, baru-baru ini.

“Jadi, bila sekolah mula dibuka memang kami legalah. Walaupun dikatakan masa yang ada kian suntuk, namun diharap kami dapat melakukan yang terbaik bagi memastikan mental dan fizikal kami bersedia untuk menduduki SPM bulan depan,” katanya.

Terdahulu, Kementerian Pendidikan Malaysia mengu-

mumkan pindaan tarikh peperiksaan SPM, Sijil Vokasional Malaysia (SVM) dan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) kepada 22 Februari 2021.

Manakala Peperiksaan Sijil Tinggi Persekutuan Malaysia (STPM) pula dianjak ke 8 Mac 2021 ekoran penularan pandemik COVID-19 yang melanda dunia.

Mini Malaysia & ASEAN Cultural Park Fokus platform digital

AYER KEROH – Mini Malaysia & ASEAN Cultural Park (MMACP) memperkenalkan tujuh segmen secara maya bagi menarik lebih 10,000 penonton setiap minggu.

Ketua Pegawai Eksekutif MMACP, Arif Faiz Zainudin berkata, bermula awal Januari 2021 hingga 20 Januari 2021, MMACP merekodkan lebih 15,000 penonton menerusi Facebook rasminya.

“Sejak Perintah Kawalan Pergerakan

(PKP) 2.0 dilaksanakan penonton kita dah lebih 15,000 menerusi sembilan segmen secara maya, namun sasaran kita 10,000 penonton setiap minggu.

“Setiap hari akan ada satu segmen jam 9 pagi, semua segmen berbeza seperti masakan, kecantikan dan kesihatan, tazkirah, inspirasi, jom sihat serta budaya dan tradisi,” katanya kepada Melaka Hari Ini.

Jelasnya, sebelum PKP 2.0 hanya enam segmen dilaksanakan iaitu pada se-



SEGMENT
Kecantikan dan
Kesihatan secara
maya turut
diadakan oleh
pihak MMACP.

“Bermula awal Januari 2021 hingga 20 Januari 2021, MMACP merekodkan lebih 15,000 penonton menerusi Facebook rasminya.”

ARIF FAIZ ZAINUDIN,
Ketua Pegawai Eksekutif MMACP

tiap Jumaat, Sabtu dan Ahad.

“Sekarang kita ada tujuh segmen dari hari Isnin hingga Ahad termasuk menjemput artis ‘Instafamous’ untuk menarik lebih ramai penonton.

“Bagaimanapun, setakat ini segmen inspirasi paling mendapat sambutan ke-

rana segmen ini berkongsi mengenai kejayaan seseorang dalam bidang diceburi mereka,” katanya lagi.

Pada masa sama, bagi mengelang penularan pandemik COVID-19, MMACP terus melaksanakan kerja sanitasi sekali sehari di setiap rumah pameran.



MELAKA HARI INI
NO.TEL : 06 - 251 9314,
06 - 251 9315
FAX : 06 - 251 9316

PENGARANG KANAN
MUHD RIZANIZAM
ABDUL HAMID
mrizanizam@gmail.com

PENGARANG
MOHD HAMZATUL
AKMAR MD ZAKARIA
yondalme87@
melakaharlin.my

PENGARANG DIGITAL
MEOR RIDUWAN
meor7riduwani@gmail.com

JURUFOTO KANAN
AZREN JAMILUDIN
azren86@gmail.com

LIANA SAHABUDIN
illyann90@melakaharlin.my

MOHD FAZRUL
ABDUL MAJID
fazrul@melakaharlin.my

MOHD FAIZ ABU HASAN
faizhasan@melakaharlin.my

FARAH SUHAIDAH
OTHMAN
farahothman@melakaharlin.my

REKABENTUK & GRAFIK

AMBRAN MOHAMED
ambran@melakaharlin.my

MIMIE AZURA
ABU BAKAR
mimieazura1981@
melakaharlin.my

ZUL RAHIMI RAMLI
mk.zul@melakaharlin.my

PEMASARAN

PENGURUS
MUHAMMAD HAMZI
ROSMANI
amz@melakaharlin.my
018 - 329 9936

UNIT MEDIA SOSIAL

EKSEKUTIF
IZAIDA RAIHANAH IDRIS
izraihanah363@gmail.com

SHARIFAH NORKHALIDAH
SYED KHAIDZIR
khalidah@melakaharlin.my

MELAKA TV

KETUA
ASHALIA YUSOF
ashaliayusof@melakaharlin.my

WARTAWAN PENYIARAN
MOHAMAD FARIS HAikal
farishakal.zakaria@
melakaharlin.my

PENYUNTING VIDEO
RABIAH OSMAN
osmanrabiah@melakaharlin.my

JURUKAMERA
ISMAL IBRAHIM
dakmail92@melakaharlin.my

AUFA IZZATI
AHMAD ZAILANI
aufazzati98@melakaharlin.my

AMIRUL RAMLI
amirulramli990@
melakaharlin.my



Cadang guna selebriti promosi Zoo Melaka

AYER KEROH – Zoo Melaka dicadang menggunakan khidmat artis untuk mempromosikan lagi keunikannya berbanding kaedah pemasaran konvensional yang dilaksanakan ketika ini.

Mantan Ketua Pengarah Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) Tan Sri Norliza Rofli berkata, beliau secara peribadi amat yakin, produk pelancongan itu mampu melonjakkan Melaka sekiranya cadangan itu mampu dilaksanakan.

“Pemasaran konvensional sahaja tidak mencukupi sebaliknya pendekatan ‘human interest’ dan warisan kehidupan dalam bahaya perlu digunakan untuk meningkatkan minat masyarakat untuk melawat Zoo Melaka.

“Rakyat Malaysia suka mendengar pujian daripada bangsa asing. Justeru, penggunaan selebriti yang dikaitkan dengan hidupan liar, untuk bercerita mengenai Zoo Melaka perlu difikirkan sebagai strategi berimpak tinggi,” katanya.

Beliau berkata demikian dalam kenyataannya yang dikongsikan bersama Melaka Hari Ini, susulan lawatan itu ke Zoo Melaka pada 9 Januari lalu.

Mengulas lanjut Norliza berkata, cadangannya itu juga mungkin melibatkan kos yang agak tinggi namun beliau yakin kos tersebut berbaloi jika mesej yang disampaikan itu kuat dan dapat menyentuh hati pengunjung.

“Semasa berkhidmat dengan kerajaan, saya telah berpeluang melawat banyak negara dan Melaka sama hebat dengan bandar-bandar bersejarah lain di dunia.

“Benar, kemudahan yang ada di Zoo Melaka mungkin tidak sehebat San Diego Zoo dan London Zoo namun dari aspek lain, semua zoo itu termasuk Zoo Singapura, yang berbajet besar, tidak diiringi dengan bumi bertuhau penuh sejarah.

“Jadi satu badan pemikir yang bebas dari politik dan ‘passionate’ mengenai zoo dan Melaka sebagai satu produk komprehensif berwawasan luas perlu ditubuhkan bagi merencana pelan jangan pendek dan panjang untuk Zoo Melaka,” katanya.

Jasa petugas barisan hadapan dihargai

Mohamad Fazrul Abdul Majid

AYER KEROH – Seramai 928 anggota yang bertugas dalam sekat jalan raya (SJR) dan pasukan pemantau di negeri ini dianggap cukup bertuah selepas menerima sumbangan makanan daripada UMNO Melaka, baru-baru ini.

Simbolik sumbangan tersebut telah disampaikan oleh Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Melaka, Datuk Seri Ab Rauf Yusoh di SJR Plaza Tol Ayer Keroh.

Jelasnya, sumbangan itu diberikan sebagai tanda penghargaan kepada petugas-petugas yang telah berpenat lelah mengawal sempadan negeri ini dalam usaha mengurangkan jangkitan kes COVID-19 di Melaka.

“Hari ini kita telah turun mengedarkan bantuan kit makanan dan minuman kepada petugas barisan hadapan sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 2.0 ini.

“Diharap keprihatinan ini dapat memberi sedikit dorongan dan penyentik semangat kepada petugas-

petugas selain meringankan sedikit keperitan yang mereka hadapi sepanjang menjalankan tugas dalam tempoh yang panjang ini.

“Insya-Allah sumbangan ini akan diberikan kepada semua petugas yang ada di seluruh negeri agar mereka dapat bekerja lebih kuat dalam usaha mengurangkan lengkuk COVID-19 yang melanda negara,” katanya ketika ditemui pemberita dalam majlis tersebut.

Hadir sama Ketua Polis Melaka Datuk Abdul Majid Mohd Ali.

Abdul Majid turut merakamkan penghargaan di atas sumbangan yang diberikan kepada petugas barisan hadapan itu dan menyifatkannya sebagai satu penghormatan buat mereka yang bertugas 24 jam siang dan malam.

“Kita telah bekerja dalam tempoh yang panjang, tempoh yang cukup ‘stress’. Jadi, saya percaya keprihatinan oleh segenap lapisan masyarakat dapat memberikan lebih motivasi kepada petugas barisan hadapan sepanjang menjalankan tugas ini,” katanya.



AB Rauf (dua dari kiri) menyampaikan sumbangan makanan kepada petugas barisan hadapan di SJR Plaza Tol Ayer Keroh, sambil disaksikan Abdul Majid (kiri).

Sumbangan kepada anggota dan kakitangan positif COVID-19

PERKEP salur 73 kit makanan

BUKIT BERUANG – Sebanyak 73 kit makanan diedarkan kepada anggota dan kakitangan Ibu Pejabat Kontinjen (IPK) Melaka yang disahkan positif COVID-19 dan diarah menjalani perintah kuarantin di rumah, pada 20 Januari lepas.

Pengerusi Persatuan Ke-

luarga Polis (PERKEP) Kontinjen Melaka, Datin Nornisah Kamis berkata, inisiatif dilaksanakan menerusi kerjasama Kesatuan Kakitangan Perkhidmatan Tadbir dan Awam Pasukan Polis Semenanjung Malaysia (PACSU).

Menurutnya, PERKEP turut mendapat sumbangan da-

ripada Jabatan Ketua Menteri dalam menyediakan kit makanan itu.

Katanya, pihaknya berharap bantuan disalurkan itu dapat meringankan beban 73 anggota dan ahli keluarga mereka yang disahkan positif, dipercayai mendapat jangkitan daripada kontak rapat dalam

kalangan warga IPK Melaka.

“Sumbangan ini sebagai tanda simpati kepada anggota yang menjalani kuarantin di rumah.

“Bagi memastikan kebaikan anggota dan keluarga terlibat terbela bantuan barang keperluan dapur turut diedarkan,” katanya kepada Melaka Hari Ini selepas majlis penyampaian itu.

Hadir sama, Pengerusi Kesatuan Kakitangan Perkhidmatan Tadbir dan Awam Pasukan Polis Semenanjung Malaysia (PACSU) Melaka,

“Bantuan disalurkan itu dapat meringankan beban 73 anggota dan ahli keluarga mereka yang disahkan positif, dipercayai mendapat jangkitan daripada kontak rapat dalam kalangan warga IPK Melaka.”

Syed Ahmad Syed Shahardin;

Sementara itu, Nornisah turut mengunjungi empat kediaman anggota yang menjalani perintah kuarantin bagi menyampaikan sumbangan terbabit.



NORNISAH meletakkan bantuan kit makanan di rumah seorang anggota yang menjalani kuarantin di rumah, baru-baru ini.

PELITUP MUKA FABRIK (FABRIC MASK)
PAKAI DAN GUNA SEMULA SECARA SELAMAT

Cuci tangan sebelum menyentuh pelitup muka
Periksa jika terdapat sebarang kerosakan atau kotor
Pegang kedua-dua tali gelung dan sangkutkan pada telinga
Tutup keseluruhan hidung dan mulut
Elaukkan menyentuh bahagian dalam dan luar pelitup muka

Selepas digunakan, tanggalkan dengan memegang tali gelung
Basuh pelitup muka dengan sabun pencuci atau detergen sekurang-kurangnya sekali dalam sehari. (Digalakkan menggunakan air panas)
Sidai dan keringkan
Cuci tangan dengan air dan sabun selepas membasuh

Kementerian Kesihatan Malaysia

MyHEALTH

MYHEALTHKKM

SCAN ME

Empat beradik ‘tergantung’ hidup

KLEBANG – Sudahlah ibu meninggal dunia akibat barah Disember lalu, bapa yang selama ini menjadi tempat bergantung hidup pula terkandas di negara jiran dan tidak dapat pulang ke Malaysia.

Ibu nasib malang dialami empat beradik di Kampung Pulau Gadong, di sini yang kini buntu memikirkan nasib untuk meneruskan kehidupan tanda kedua orang tua untuk menguruskan kehidupan sehari-hari mereka.

Menurut Muhammad Zulfikar Daniel Sutrisno, 17, dia dan dua lagi adiknya Muhammad Zulhaikal Eltrimichal, 16, serta Nurdiana Melisa Fitri, 13, juga masih belum mendaftar persekolahan di Sekolah Menengah Kebangsaan Klebang ekoran kesusahan hidup dihadapi.

“Nasib kami empat beradik berubah apabila ibu, Eli Kabar, 52, pulang ke Indonesia pada Ogos 2019 bagi mendapatkan rawatan untuk penyakit barah tahap empat dihadapi.

“Pada Januari 2020 ba-

“Keadaan bertambah buruk apabila ayah pula terkandas di Indonesia disebabkan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Mac tahun lalu menyebabkan segala urusan mendaftar persekolahan terbantut.”

pa, Sutrisno Musa, 54, pula pulang ke kampung bagi mengikuti perkembangan kesihatan ibu, sebelum ibu disahkan meninggal dunia pada 30 Disember lalu,” katanya ketika ditemui media di sini baru-baru ini.

Zulfikar Daniel yang juga anak kedua berkata, keadaan bertambah buruk apabila ayah pula terkandas di Indonesia disebabkan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Mac tahun lalu menyebabkan segala urusan mendaftar persekolahan terbantut.

“Sehingga saat ini, kami masih belum mendaftar sesi persekolahan kerana tidak mampu membeli buku apalah lagi mengikuti pembelajaran

secara dalam talian yang memerlukan gajet serta internet

“Saya ada juga cuba bekerja sebagai buruh binaan selama dua bulan ketika menumpang di rumah kakak, Novi Margareta, 30, di Selangor November tahun lepas untuk menampung keperluan keluarga,” katanya.

Sementara itu Novi berkata, dia yang sudah berkahwin serta mempunyai dua orang anak berusia lima dan 10 tahun mengambil keputusan untuk duduk berjauhan dengan suami dan ikut pulang ke kampung halaman bersama tiga adiknya itu pada minggu lalu.

“Suami pula hanya bekerja sebagai buruh binaan dan tidak cukup untuk meny-



EMPAT beradik yang ditemui di Kampung Pulau Gadong, baru-baru ini.

diakan keperluan asas adik beradik sehingga saya terpaksa menjual motosikal untuk membeli keperluan asas selain melangsangkan hutang kepada jiran yang banyak membantu,” katanya sambil mengesat air mata.

Terdahulu, nasib empat beradik itu turut mendapat perhatian Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan dan

Keselamatan Kampung Klebang Besar, Datuk Mohd Yusof Abu Hassan yang menziarahi serta menyampaikan kit bantuan makanan termasuk wang tunai serta sebuah komputer riba untuk tujuan Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR).

“Difahamkan keluarga ini dalam proses untuk mendapatkan bantuan daripada

Majlis Agama Islam Melaka (MAIM), namun apa yang dibimbangkan sekarang bukan mengenai bekalan makanan sahaja, tetapi pembelajaran mereka ini.

“Jadi, sebagai bantuan awal, kita berikan sebuah komputer riba untuk memastikan ketiga-tiga beradik ini dapat meneruskan pembelajaran dalam talian,” katanya.

Projek PR1MA
Harga Jualan
Bermula RM 184,000


Untuk maklumat lanjut, sila hubungi :
06 - 286 5120
Isrin hingga Jumaat (9:00 pagi - 5:00 petang)
E-mel: wiramagr@gmail.com

Kemudahan

- Suru
- Gymnasium
- Tadka
- Tadka
- Taman Permainan
- Dewan Komuniti
- Bersama

Pelan Lantai

Jenis A (Tengah) : 1,000 sqft (3 Bilik Tidur, 2 Bilik Air)	Jenis A2 (Hujung) : 1,000 sqft (3 Bilik Tidur, 2 Bilik Air)
Jenis A1 (Tengah) : 1,000 sqft (3 Bilik Tidur, 2 Bilik Air)	Jenis A3 (Hujung) : 1,000 sqft (3 Bilik Tidur, 2 Bilik Air)



NIKMATI GAYA HIDUP LENGKAP DAN KONDUSIF SERTA PERSEKITARAN LESTARI

Residensi @ BUKIT KATIL merupakan sebuah nadi pembangunan baru di Bukit Katil, Melaka yang dilengkapi pelbagai fasiliti serba moden dalam persekitaran kondusif dan terletak di lokasi yang strategik. Residensi ini juga behampiran pelbagai prasarana membangun seperti sekolah, hospital dan pusat komersial



MIMBAR MAIM

"Benar-benar sangat beruntung orang-orang yang membersihkan diri dengan beriman dan sentiasa berzikir menyebut nama Tuhannya serta mengerjakan sembahyang." (**Surah Al-A'la, ayat 14-15**)

"Demi sesungguhnya! Kami akan menguji kamu dengan sedikit ketakutan, kelaparan, dan kekurangan dari harta benda serta jiwa dan hasil tanaman. Dan berilah khabar gembira kepada orang yang sabar." (**Surah Al-Baqarah, ayat 155**)

10,000 kit makanan kepada mereka yang terjejas

Erwin Abu Hasan
erwin@maim.gov.my

MELAKA TENGAH – Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) telah menggerakkan semula pengoperasian Bilik Gerakan COVID-19 Agensi Agama Islam Melaka bermula pada 21 Januari lalu selaras dengan pengumuman Perdana Menteri tentang pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) baru-baru ini.

Bilik gerakan berkenaan merupakan kerjasama padu antara MAIM dan Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM), Jabatan Mufti Negeri Melaka (JMMN) dan Zakat Melaka Sdn. Bhd.

Fungsi dan peranan operasi bilik gerakan ini bagi memudahkan orang ramai khususnya masyarakat Islam di negeri ini mendapatkan maklumat dan bantuan sepanjang tempoh PKP ini dilaksanakan.

Sehingga kini sejumlah 10,000 kit Bantuan Makanan Kecemasan (MUSA'ADAH) Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) disalurkan ke 28 Ja-

“ Fungsi dan peranan operasi bilik gerakan ini bagi memudahkan orang ramai khususnya masyarakat Islam di negeri ini mendapatkan maklumat dan bantuan sepanjang tempoh PKP ini dilaksanakan. ”

watankuasa Pembangunan dan Penyelarasan Dewan Undangan Negeri (JAPERUN) dan 195 masjid di negeri ini bagi meringankan beban masyarakat yang terkesan akibat kawasan masing-masing.

PKP ini telah pun dikenal pasti setiap JAPERUN menerusi Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) serta kariah masjid di

MAIM turut mengalau-alukan kepada semua pihak, organisasi maupun individu yang berhasrat untuk bersama-sama menyalurkan bantuan kepada mereka yang memerlukan supaya hadir atau boleh hubungi Bilik Gerakan COVID-19 Agensi Agama Negeri Melaka di talian 06-2837416 sambungan 156.

Majlis serahan ringkas bantuan ini telah disempurnakan oleh Timbalan Pengurus MAIM, Datuk Md Rawi Mahmud dan turut diserikan oleh Mufti Kerajaan Negeri, Datuk Wira Abdulk Halim Tawil dan Setiausaha MAIM, Muhammad Ikram Ibrahim.

Bagi penerima yang terbebas dan terjejas sepanjang

PROSES pemunggahan kit makanan untuk edaran seluruh negeri Melaka.



MD Rawi menyampaikan sumbangan kit makanan kepada wakil JAPERUN yang hadir.

MAKLUMAN

**BILIK GERAKAN COVID-19
AGENSI AGAMA ISLAM NEGERI MELAKA**

13hb - 26hb JANUARI 2021

NO. HOTLINE MAIM :
06-283 7416/06-284 9809/06-283 2077
SAMBUNGAN : EXT 156

WAKTU OPERASI :
09.30AM - 4.30PM (ISNIN - AHAD)

**TERUS DUDUK RUMAH DAN
PATUHI PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN**

f facebook.com/maimmelaka **@maimmelaka** **YouTube Majlis Agama Islam Melaka**



PROSES pemunggahan kit makanan untuk edaran seluruh negeri Melaka.

Sumbangan Kit Makanan PKP 2.0



MAJLIS Agama Islam Melaka (MAIM) Cawangan Jasin telah melaksanakan program turun padang dan menyantuni asnaf yang terjejas sepanjang pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 2.0 di sekitar daerah ini. Penyampaian kit makanan dihulur bagi membantu meringankan beban mereka yang terkesan.



PRIHATIN...Timbalan Pengurus MAIM, Datuk Md Rawi Mahmud menyampaikan sumbangan kit makanan kepada salah seorang wakil penduduk orang asal di daerah Jasin baru-baru ini. Penyampaian sebanyak 500 kit makanan kecemasan telah disalurkan MAIM dengan kerjasama JAIM kepada lebih lapan perkampungan orang asal di negeri ini.

Apakah Hikmah Berwakaf (Siri 1)

I. Pahala yang berterusan

"Bandingan (pahala) orang-orang yang membelanjakan harta mereka pada jalan Allah seumpama sebiji benih yang tumbuh menerbitkan tujuh tangkai dan tiap-tiap tangkai itu pula terdapat seratus biji. Dan ingatlah Allah akan melipatgandakan pahala bagi sesiapa yang dikehendakiNya dan Allah Maha Luas (KurniaNya) lagi Maha Mengetahui"

(Surah Al-Baqarah Ayat 261)

2. Menjamin penambahan saham akhirat

"Apabila matinya seseorang anak Adam itu maka terputuslah amalannya kecuali tiga perkara iaitu sedekah jariah, ilmu yang dimanfaatkannya dan anak yang soleh yang sentiasa mendoakan kepada kedua ibubapanya"

(Hadith Sahih - Riwayat Muslim)

"Satu Amal Mencipta Sejuta Manfaat"

Seksyen Wakaf Majlis Agama Islam Melaka

Tanggungjawab ibadah kerana Allah SWT



Datuk Hj. Ibrahim Bin Fadil

Ketua Pegawai Eksekutif,
Zakat Melaka,
Majlis Agama
Islam Melaka.

“ Bantuan zakat ini adalah hasil daripada pembayar-pembayar zakat di setiap negeri sekaligus memberi manfaat kepada mereka yang memerlukan. ”

pada jalan Allah, ialah sama seperti sebiji benih yang tumbuh menerbitkan tujuh tangkai, tiap-tiap tangkai itu pula mengandungi seratus biji. Dan (ingatlah), Allah akan melipat gandakan pahala bagi sesiapa yang dikehendaki-Nya, dan Allah Maha Luas (rahmat kurnia-Nya, lagi Meliputi ilmu pengetahuan-Nya.)

Tanggungjawab ibadah zakat ini dapat menjaga hubungan sesama manusia dimana mereka yang berdepan dengan kesusahan hidup akan diberikan bantuan. Sebagai contoh, apabila negara Malaysia mengalami situasi yang amat membimbangkan semua pihak iaitu penularan pandemik COVID-19, Kerajaan Malaysia telah mengambil pendekatan membantu rakyat yang terjejas dengan melancarkan rangsangan ekonomi melalui bantuan prihatin kepada golongan sasaran B40 dan M40.

Dalam masa yang sama, setiap negeri di Malaysia berperanan dan bertanggungjawab melalui Majlis Agama Islam Negeri telah mengagihkan bantuan zakat kepada mereka yang mengalami kesempitan kewangan. Bantuan zakat ini adalah hasil daripada pembayar-pembayar zakat di setiap negeri sekaligus memberi manfaat kepada mereka yang memerlukan. Apabila seseorang itu memudahkan

urusan orang lain yang mengalami kesulitan, Allah SWT akan memudahkan urusan baginya di dunia mahupun di akhirat kelak.

Sepertimana dari Abu Hurairah r.a., Nabi SAW bersabda, yang bermaksud: *“Barang siapa yang melepaskan satu kesusahan seorang mukmin, pasti Allah SWT akan melepaskan darinya satu kesusahan pada hari kiamat. Barangsiapa yang menjadikan mudah urusan orang lain, pasti Allah SWT akan memudahkannya di dunia dan di akhirat. Barangsiapa yang menutupi aib seseorang muslim, pasti Allah SWT akan menutupi aibnya di dunia dan di akhirat. Allah SWT sentiasa menolong hamba-Nya selama hambanya”*

Nya itu suka menolong saudaranya”. (Hadis Riwayat Muslim)

Justeru itu, semua pihak perlulah memainkan peranan penting bagi memikul tanggungjawab ini. Tanggungjawab ibadah ini haruslah ditanam di dalam hati-hati insan yang beriman dan bertaqwa semata-mata kerana Allah SWT tidak kiralah ibadah itu berbentuk wajib ataupun sunat. Allah SWT akan memberi ganjaran pahala yang amat besar di akhirat kelak. Yakin dan percayalah janji Allah SWT kepada hamba-Nya yang taat terhadap perintah-Nya dan menjauhi larangan-Nya. Semoga Negara Malaysia diberikan kemakmuran dan dihindarkan segala musibah, bencana dan wabak penyakit. In Shaa Allah.

Sebarang pertanyaan tentang info zakat bolehlah layari atau menghubungi di talian **1-300-88-0233** di Zakat Melaka atau tinggalkan mesej di talian whatsapp **011-58583885** untuk info lebih lanjut.

Zakat - "Bersih Jiwa Suci Harta".

Sebarang Pertanyaan Mengenai Zakat Sila Hubungi Di Talian :
Ibu Pejabat, Tel : 06-2812443 / 2441 / 2442 Faks : 06-2818154

- Cawangan Alor Gajah, Tel : 06-5562340
- Cawangan Masjid Tanah, Tel : 06-3845453
- Cawangan Jasin, Tel : 06-5294635
- Cawangan Merlimau, Tel : 06-2633148
- Cawangan Pulau Sebang, Tel : 06-4413358
- Cawangan Utc Melaka, Tel : 06-2831440

Talian Zakat : 1-300-88-0233 WhatsApp : Info Pertanyaan Zakat – (011-58583885) Aduan Asnaf Zakat – (011-58583900) Laman Web : www.izakat.com

Jom Tunaikan ZAKAT ASB

Majlis Fatwa Kebangsaan memutuskan hukum pelaburan dalam ASB serta DIVIDEN bonus adalah HARUS.

Kaedah IJTIHAD juga digunakan oleh kebanyakan Majlis Penasihat Syariah dalam industri sekuriti dan kewangan untuk menentukan hukum (produk).



ZAKAT (Kaedah Pengiraan) WANG SIMPANAN

Tarikh Simpan	Tarikh Keluar	Masuk (RM)	Keluar (RM)	Baki (RM)
01/01/200X		100,000.00		100,000.00
	23/04/200X	7,000.00 <i>(dividen)</i>	5,000.00	102,000.00
	30/05/200X		5,000.00	97,000.00
10/07/200X		2,000.00		99,000.00
	12/08/200X		5,000.00 RM 40,00	94,000.00
11/11/200X		2,000.00		96,000.00
31/12/200X		2,000.00		98,000.00

Zakat Wang Simpanan

$$\begin{aligned} &= \text{Baki Terendah (Setahun)} \times 2.5\% \\ &= \text{RM } 94,000 \times 2.5\% \\ &= \text{RM } 2,350.00 \end{aligned}$$

**NISAB ZAKAT
TAHUN 2020
RM 15,767.73**

AGIHAN ZAKAT 2019

Data sehingga 31 DISEMBER 2019

Jumlah Keseluruhan: **RM 96.62 JUTA**

FAKIR RM 5.72 JUTA AMIL RM 15.45 JUTA RIQAB RM 638,800 FISABILLAH RM 26.47 JUTA

MISKIN RM 38.15 JUTA MUALLAF RM 9.23 JUTA GHARIMIN RM 835,550 IBNU SABIL RM 92,588

Terima Kasih Pembayar Zakat

1-300-88-0233

www.izakat.com

Zakat Melaka

zakat.melaka

Zakat Melaka

TERIMA KASIH PEMBAYAR ZAKAT NEGERI MELAKA

Zakat - Bersih Jiwa Suci Harta

www.izakat.com

1-300-88-0233

www.izakat.com

Zakat Melaka

zakat.melaka

Zakat Melaka



Hanya **2.5%**

“Sedikit Diberkati, Banyak Dikongsi”

Beribadah Di Hujung Jari, Layari: www.izakat.com

Lensa Misi Bantuan Pasca Banjir MAIM ke Negeri Pahang



KETUA Menteri, Datuk Seri Utama (Dr.) Sulaiman Md Ali merasmikan majlis pelepasan konvoi bantuan banjir ke negeri Pahang.



SEBAHAGIAN kakitangan dan sukarelawan MAIM turut sama menyertai konvoi berkenaan.



BERAS dan kit makanan asas antaranya gula, susu dan tepung yang disediakan MAIM.



Ke Manakah Wakaf Anda?



Jam Berwakaf
Wakaf Tunai Melaka



Bayaran Wakaf Serendah RM 2.00 Sahaja

Pengambilan/Pembelian Lot Tanah Bagi Tujuan Keagamaan

Pembangunan Hartanah Wakaf

Pembaikan Hartanah Wakaf

Kaedah bayaran #1
MELALUI
POTONGAN GAJI
SECARA BULANAN

Kaedah bayaran #2
Download
APPS e-WALLET
BOOST

Kaedah bayaran #3
Bayar di Kaunter
Wakaf MAIM

Kaedah bayaran #4
MELALUI AKAUN BANK
BANK ISLAM (MAIM)
0401 5010 0174 34

Bahagian Wakaf MAIM : 06-283 7416 / 06-284 9809



PROF. Datuk Dr. Sidek Baba

SIFAT toleransi atau tolak ansur dan persefahaman antara satu dengan yang lain adalah asas kepada terbinanya perpaduan.

Pola masyarakat majmuk yang terdapat di Melaka dan di Malaysia memerlukan toleransi dan persefahaman kerana kemajmukan masyarakat membawa kepada perbezaan dan persefahaman.

Perbezaan disantuni dan persefahaman diperteguhkan. Agama dan budaya terdapat hal-hal yang sensitif yang perlu disantuni dengan bijaksana.

Warga Melaka dan Malaysia perlu ada etika untuk berbeza dan etika untuk bersama.

PROSES ASIMILASI

Suatu ketika dulu Melaka menjadi contoh berlakunya asimilasi kaum menampilkan Baba Peranakan, India Peranakan dan Portugis Peranakan dan pemahaman dan interaksi budaya terjadi.

Mereka boleh berbahasa Melayu cara Peranakan dan melakukan hubungan sosial dan budaya yang ramah.

Golongan Baba Peranakan boleh berbantuan dan berdondong sayang dan mempunyai tradisi sastera mereka.

Kini pendekatan asimilasi tidak lagi terjadi tetapi peranan Bahasa Melayu sebagai bahasa perhubungan dan bahasa perpaduan masih lagi relevan kerana terkait dengan Perlembagaan dan Rukun Negara. Generasi kini mungkin berbeza kerana per-



“ Sekolah merupakan tempat yang terbaik supaya persefahaman antara kaum berlaku kerana sekolah mendedahkan pelajar dengan faktor sejarah masa lalu, bahasa yang diperkongsi, dan budaya difahami. ”

bahan suasana sosial dan iklim pendidikan.

Namun begitu keperluan memahami silang budaya masih relevan kerana tanpanya interaksi sosial dan budaya sukar berlaku dan faham perkauman mula mengambil tempat.

Faham rasis tidak menyumbang kepada persefahaman dan perpaduan.

Sebagai warga Malaysia Perlembagaan Negara menjadi asas kepada hidup bersama supaya Malaysia menjadi lebih aman dan sejahtera.

Taat kepada negara dan patuh kepada Perlembagaan menjadi prasyarat kepada negara supaya masyarakat majmuk berada dalam toleransi dan persefahaman.

Ianya penting bagi kemajuan Malaysia kini dan masa depan.

BUDAYA KESALINGAN

Amat penting budaya kesalingan disemai kerana membiarkan perbezaan subur boleh menyebabkan syak wasangka terjadi dan ianya boleh melahirkan konflik.

Sekolah merupakan tempat yang terbaik supaya persefahaman antara kaum berlaku kerana sekolah mendedahkan pelajar dengan faktor sejarah masa lalu, bahasa yang diperkongsi, dan budaya difahami.

Pada orang Melayu terdapat jiwa gotong royong dan sopan santun sesuai dengan jiwa ketimuran dan nilai Islam yang baik memberihkan sifat muafakat dan kerjasama yang patut berkembang juga dalam budaya kaum lain.

Dunia hari ini dengan faham kebendaan yang semakin subur ia tidak banyak membantu hubungan se-sama kaum dan antara kaum tetapi aspek positif dalam budaya orang Cina dan India patut difahami dan nilai positif dalam budaya orang Melayu seperti berbudi bahasa dapat disuburkan supaya ia menjadi landasan membentuk masyarakat berbudaya Malaysia.

Sikap engku dengan budaya engku dan aku dengan budaya aku tidak harus menjadi pegangan dalam membina sikap persefahaman dan kebersamaan.

Muafakat dan perkongsian terhadap kelebihan yang ada pada satu-satu kaum harus menjadi indikator sikap bantu membantu supaya jurang perbezaan dapat dirapatkan dan persefahaman menjadi lebih dihayati.

kuasa beli sering menjadi pertikaian kerana ia memberi pengaruh kepada ekuiti atau pegangan ekonomi se-satu kaum.

Ianya harus diinsafi bahawa pegangan ekuiti bukan jawapan terhadap kerjasama dan muafakat.

Kerjasama dan muafakat hanya boleh lahir sekiranya antara kaum dalam aktiviti ekonomi, perniagaan dan perusahaan dapat bekerjasama dan saling bantu membantu supaya perasaan iri hati tidak timbul yang boleh menyebabkan jurang ekonomi semakin mendalam.

Ianya menuntut keinsafan yang tinggi bahawa kelebihan yang ada pada sesuatu kaum harus menjadi asas yang menyumbang kepada kaum lain kerana tahap kemiskinan tidak hanya berlaku di kalangan orang Melayu, Cina dan India tetapi ia menuntut sikap prihatin secara bersama supaya negeri atau negara yang kita bina mengamalkan konsep perkongsian.

Walaupun ianya kelihatan ideal tetapi kalau setiap kaum ada tekad yang tinggi untuk bekerjasama, jarak perbezaan boleh dirapatkan, iri hati dapat dikurangkan, provokasi dapat diredukan dan harmoni antara kaum dapat dicetuskan.

TEKAD MEMAHAMI REALITI

Walaupun apa yang diutarakan agak ideal tetapi tekad memahami realiti menjadikan kita sebagai warga yang bercita-cita murni dan mengambil pendekatan menyantuni realiti supaya seorang yang idealis sekali gus realis supaya wujud perimbangan antara keduanya.

Inilah pendekatan yang harus diambil supaya kemakmuran yang dikehendaki di nikmati bersama atas asas toleransi yang tinggi memahami visi dan misi ke arah kemajuan dan perpaduan yang membawa harmoni dan baik sangka berlaku.

ISU PENGUASAAN EKONOMI

Isu penguasaan ekonomi atau





PROF. Dato' Dr. Ahmad Murad Merican

IN his *Mencari Bako* (Searching for Roots), published in 1983, a memoir of his journey in search of origins and ancestors, Abdul Aziz Ishak tells us the story about his larger family, his encounters with fellow Minangkabaus and community, and the history of the Malays. His ancestors traversed their way to what is now North Sumatra from Pagaruyung, and Payakumbuh. And in the ways of the *merantau*, finally took residence in what is now Minden and Batu Uban, Pulau Pinang. Aziz (1913 – 1999) former colonial civil servant, journalist and politician was a Minister under Tunku Abdul Rahman's cabinet.

Earlier in his life, Aziz was not impressed with the Minangkabaus. He was not proud to claim his "Minangkabau origins." In school and his youth, he could not recall "meeting a single Minangkabau boy... among the student population." His early impressions changed when *Utusan Melayu* in 1939 took in, as editor, one Hajji Abdul Rahim Kajai.

Aziz's subsequent engagement with several Minangkabau figures over the decades altered his world-view. This included a meeting with Sutan Sjahrir in 1947, Indonesia's first prime minister "that the boyhood perception of the character of my Minangkabau kith and kin was completely erased from my mind." When Aziz moved from Singapura to Kuala Lumpur in 1948 he befriended many Minangkabau *perantaus*. Among them was reformist ulama Sheikh Tahir Jalaluddin and Dr. Mohamed Razif, the first Indonesian ambassador to Malaya in 1957. Razif was from Koto Gadang in Bukit-

The Road to Bukittinggi: Aziz Ishak's Renditon in his *Mencari Bako*



A black and white portrait of Soekarno, the first President of Indonesia. He is shown from the chest up, wearing a dark, flat-top hat and a dark suit jacket over a light-colored shirt. He has a serious expression and is looking slightly to his left.

ABDUL Aziz Ishak

tinggi.

Aziz also related how he came to know Thaharuddin Ahmad, who hailed from Barulak, situated about midway between Bukittinggi and Payakumbuh. Thahar was to travel with Aziz together from Medan to Bukittinggi in June of 1975. To some extent, Thaharuddin would be a main character in Aziz's *Mencari Bako*. It was in his days with *Utusan Melayu* that Aziz crossed path with Thahar. Sometime toward the end of 1946, Tahar was appointed the Singapura representative of Antara, the Indonesian national news agency.

Among Thahar's colleagues

Thahar, after having been involved in Indonesia's struggle for independence, left Singapura to settle in Pulau Pinang. Than in 1975, Thahar took leave from the Indonesian Consulate in Pulau Pinang for a two-week long delayed plan to visit his kampung, Barulak, in the Minangkabau heartland. Aziz then broached the idea of accompanying Thahar to visit the land of his (Aziz's) ancestors. It took two months to plan before they left in June of that year.

Bukittinggi was slightly more than a thousand kilometres from Medan. The journey by express bus

In the search for his ancestors, Aziz's paramount objective was obviously a visit to Pagaruyung. He also wanted to observe at close range, the culture and customs of the Minangkabau people and the architecture of their houses. They boarded the *Bunga Setangkai* bus in Medan. It departed at 10.40 am. Their first stop was Permatang Siantar, at just after 1.00pm. At their first stop for lunch, Aziz availed himself to Minangkabau-style Nasi Padang.

The first few hours after Permatang Siantar was, according to Aziz, quite uneventful. Then before reaching Prapat, a town on the east-

played according to the locality the bus passed through – the folklore of the Simalungun Bataks, at the Toba region, the renditions of the Prapat singers, which Aziz used to hear from Radio Medan. Then Prapat tunes were heard in leading hotels in Kuala Lumpur and Singapura. From Batak sentimental music in Toba to Minangkabau evergreens – “Ayamden Lapeh” and “Kampung dana Rantau,” and not forgetting the lilting voice of Titik Puspa and the rich baritone of Oslan Husin – familiar voices on Radio Malaya/Malaysia in the 1960s and 70s.

Approaching Buktinggi, they "were heralded by the two great mountains of Merapi and Singgalang...lofty sentinels at the entrance to the mother city of the heartland." At 8.30 am the next morning, they saw the peaks of the volcanoes "standing in august dignity before a clear blue morning sky."

Aziz expressed his excitement and "felt that I was being welcomed to the land of my ancestors." They stayed at Hotel Denai in the centre of town. In the cool and delightful weather, they took a *bendi*, a tiny horse -cart which tilted from end to end when a passenger boarded it, and arrived at a Minangkabau restaurant. Forty varieties of dishes were offered. Indeed. Pagaruyung awaits.

ern shore of Lake Toba, where the bus picked up two more passengers, he was rather thrilled by the breath taking scenery of the lake and the Samosir island seen from a mountain pass. It was awe-inspiring. They then passed a place called Balige and soon reached the Bukit Barisan, the second range of mountains in central Sumatra.

Sumatra. Here, the road grew “harsher and more jagged with the road running through frightening crests.” They then passed Tapanuli, the settlement of the Mandailings, Adam Malik’s clansmen. And some two and a half-hours after midnight, they stopped over at “Rao, the home of the Rawa people,” 320 kilometers from Pagaruyung.

According to Aziz, throughout the journey, they were continuously entertained with music from the cassette player in the bus. They were

then was Adam Malik, head of Antara (later to become foreign minister and vice-president of Indonesia), and Mokhtar Lubis, who was to become an exemplary journalist of international repute.

would take some 24 hours, "crossing three mountain ranges, stretching from Permatang Siantar in North Sumatra to Bukittinggi in Central Sumatra (what is now Sumatra Barat).

then was Adam Malik, head of Antara (later to become foreign minister and vice-president of Indonesia), and Mokhtar Lubis, who was to become an exemplary journalist of international repute.

would take some 24 hours, "crossing three mountain ranges, stretching from Permatang Siantar in North Sumatra to Bukittinggi in Central Sumatra (what is now Sumatra Barat).

the Toba, where the
two more passengers,
filled by the breath
of the lake and the
seen from a moun-
taine-inspiring. They

NEXT WEEK:
Khabar from Tanjung

***Prof. Dato' Dr. Ahmad Murad Merican** is Professor of Social and Intellectual History with the International Institute of Islamic Thought and Civilization, International Islamic University (ISTAC-IIUM). He is a Senior Fellow with the Southeast Asia Research Centre and Hub at De La Salle University, Manila, the Philippines.

"Cukuplah sekadar memohon keampunan Allah"

LENDU – Nama seorang peniaga mi goreng di pekan Lendu, Abdul Aziz Mohd Saat, 74, tiba-tiba menjadi sebutan dan tumpuan ramai.

Peliknya, ia bukan berkisar tentang keenakan masakan mi goreng disediakannya, sebaliknya warga emas itu mendakwa menjadi mangsa fitnah kyonnya melanggar arahan kuarantin kendiri dengan berniaga di kedainya.

"Saya minta mereka yang menyebarkan fitnah kyonnya saya menggoreng mi dengan memakai gelang pink supaya bertubat kerana saya tidak pernah berbuat demikian."

"Saya memasak setakat jam 10.30 pagi sebelum menutup kedai pada jam 11 pagi selepas diminta oleh pegawai Pejabat Kesihatan Daerah Alor Gajah untuk hadir ke Hospital Alor Gajah pada 21 Januari," katanya dihubungi di kediamannya di Kampung Lendu Hilir, dekat sini, baru-baru ini.

Katanya, selepas memperoleh surat kuarantin dan dibekalkan gelang pink, dia bersama isteri, Taksiah Che De, 66, dan anak, Norizam, 46, terus berke-

mas dan menutup kedai.

"Namun, menjelang petang 21 Januari lepas, saya terkejut apabila mengetahui tersebut di media sosial terutama Facebook, kyonnya saya menggoreng mi di kedai dengan memakai gelang pink."

"Dosa memfitnah adalah seolah-olah kita memakan daging saudara kita sendiri," katanya.

Abdul Aziz berkata dia tiga beranak kini menjalani kuarantin kendiri selama dua minggu mulai 21 Januari lepas.

"Selain kami beberapa keluarga jiran turut menjalani kuarantin dua minggu berikutnya dua saudara saya yang tinggal di kampung ini disahkan positif COVID-19 dan kini dirawat di Hospital Melaka," katanya yang juga pesara Rejimen Renjer Diraja (RRD).

Menurut Abdul Aziz lagi dia bimbang fitnah itu turut memberi kesan negatif terhadap perniagannya kelak dan merayu pihak terbabit menghentikannya.

Ditanya sama ada beliau ingin mereka meminta maaf, warga emas itu berkata, cukuplah sekadar mereka memohon keampunan Allah.



ABDUL AZIZ kesal dengan fitnah kyonnya beliau menggoreng mi dengan memakai gelang pink.
Foto ihsan Abdul Aziz Mohd Saad



MD Rawi menyerahterahkan kit MUSA'ADAH kepada Ridhwan dalam satu majlis penyampaian kit tersebut di Pusat Islam Melaka di Bukit Palah, baru-baru ini.

MAIM sedia 10,000 kit Musa'adah

BUKIT PALAH – Sebanyak 10,000 kit Bantuan Makanan Kecemasan (MUSA'ADAH) Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) disalurkan ke 28 Jawatankuasa Pembangunan dan Penyelarasaran Dewan Undangan Negeri (JAPERUN) dan 195 masjid di negeri ini bagi meringankan beban masyarakat yang terkesan akibat pandemik COVID-19.

Timbalan Pengurus MAIM, Datuk Md Rawi Mahmud ketika menyampaikan bantuan itu berkata, kit makanan itu turut disalurkan kepada lapan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan 700 Orang Asli di daerah Jasin dan Alor Gajah.

Md Rawi berkata, MAIM menjalankan persediaan bagi menyalurkan bantuan itu sejak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dikuatkuasakan di negeri ini 13 Januari lalu.

"Kit makanan ini berisi 10 barang keperluan asas termasuk beras, susu, tepung, sardin, garam dan biskut bernilai RM40.

"Penerima di JAPERUN dikenal pasti menerusi Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) serta kariah masjid di kawasan masing-masing.

"Kita juga edarkan kepada NGO Islam seperti Persatuan Cina Muslim Malaysia (MACMA)," katanya ditemui Melaka Hari Ini pada majlis itu yang diadakan di Bilik Gerakan COVID-19 Agensi Agama Islam Melaka di Pusat Islam Melaka, di sini baru-baru ini.

Yang turut hadir Setiausaha MAIM, Muhammad Ikram Ibrahim dan Penyelaras JAPERUN Bukit Katil, Ridhwan Mohd Ali.

SOCIAL MEDIA RATE CARD

SOCIAL MEDIA

f Facebook

✓ Posting

✓ Story

Instagram

✓ Story

RM200

*additional RM50 for design

Video Posting

RM200

*Terms and conditions may apply

VIDEO PRODUCTION

Video

✓ Review

✓ Editing

✓ Posting

RM500

LIVE Streaming

✓ 1 hour

RM3000 to RM5000

Camera Production

✓ Single Camera MCP 3 to 5 min

RM3000

BRANDED CONTENT

YOUR BRAND

✓ Website

✓ Facebook

RM500



Call Us:

**06-251 9315
018-329 9936**

www.melakahariini.my

Melaka Hari Ini

Melaka TV

KERAJAAN negeri memberi respons positif kepada pelaksanaan Pelan Jalinan Digital Negera (JENDELA), kata Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC).

SETAKAT ini empat negeri iaitu Melaka, Pulau Pinang, Sarawak dan Perak telah memutuskan untuk meningkatkan sektor telekomunikasi sebagai sebahagian daripada perkhidmatan utiliti awam mereka. (Gambar hiasan)

Pengerusinya, Dr Fadhlullah Suhaimi Abdul Malek berkata setakat ini empat negeri iaitu Pulau Pinang, Sarawak, Melaka dan Perak telah memutuskan untuk meningkat-

kan sektor telekomunikasi sebagai sebahagian daripada perkhidmatan utiliti awam mereka.

"Kami telah bertemu dengan semua

ketua menteri dan menteri besar bersama-sama dengan setiausaha negeri untuk membincangkan bagaimana untuk berunding dengan pihak berkepentingan yang terlibat dalam projek infrastruktur digital," katanya ketika muncul sebagai tetamu di rancangan bual bicara Bernama TV 'The Nation', baru-baru ini.

Fadhlullah berkata para pelabur akan melabur di negeri-negeri di seluruh negara, justeru terdapat keperluan untuk mempunyai dasar yang tepat untuk memudahkan dan memastikan pelaburan itu berjalan lancar.

MCMC sebagai pengawal selia sedang berusaha untuk memacu industri untuk memastikan bahawa infrastruktur digital tersebut bagi pengguna menggunakan cara baharu menjalankan perniagaan.

"Industri ini telah mencapai sasaran yang telah ditetapkan tahun lepas dalam usaha untuk membawa Malaysia ke arah kesalinghubungan digital yang lebih baik yang bermaksud berjanji mereka akan melakukan lebih baik pada fasa berikutnya," katanya.

JENDELA akan dilaksanakan dalam dua fasa, Fasa 1 dilaksanakan dari tahun 2020 hingga 2022 sementara Fasa 2 dari 2022 sehingga 2025.

Sementara itu, Dr Fadhlullah berkata program JENDELA dimulakan dengan asas yang kukuh untuk perniagaan dengan memastikan liputan rangkaian generasi keempat (4G) tersedia di kawasan bandar dan luar bandar sebelum beralih ke rangkaian generasi kelima (5G).

"Rangkaian 4G sudah memadai ketika ini untuk memastikan kesalinghubungan berada pada kedudukan yang betul, kelajuan yang sesuai dan di mana ia diperlukan tetapi akhirnya, kita memerlukan teknologi 5G seiring dengan aspirasi JENDELA," katanya.

- BERNAMA

Melaka antara negeri beri respon positif JENDELA



Sahut cabaran niaga dalam talian

JIKA dahulu sektor industri mengetahui perniagaan secara bersempena, namun AMES Hotel menyahut cabaran beraagi secara dalam talian.

Menggunakan pendekatan perkhidmatan penghantaran makanan menerusi platform 'AMES On The Go', kini ia memberi lebih kemudahan buat pelanggannya.

Pengurus Besar AMES Hotel, Pritpal Singh Paul berkata, AMES On The Go dilaksanakan pada 17 Januari lalu yang menyajikan empat menu utama sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 2.0.

"Kami menyediakan makanan yang diberi nama selera nusantara, mutiara rasa, citarasa moden, nostalgia rasa serta ala carte."

"Di dalamnya terdapat menu seperti ikan asam pedas, sago gula Melaka, nasi goreng AMES serta char kuey teow yang sentiasa mendapat sambutan," katanya kepada Melaka Hari Ini.

Jelasnya, jika pada awalnya tempahan pelanggan kurang mem-

berangsangkan, namun kini pihaknya mula menerima impak yang positif.

"Bilangan order hari pertama agak sedih dan tak sampai 10 tempahan, tapi selepas lima hari tempahan sudah naik dan majoritinya dari pelanggan tetap kita."

"Berbeza pulang pada hujung minggu, sambutan lebih memberansangkan kerana ramai pelanggan yang cuti dan duduk di rumah," katanya lagi.

Katanya, setakat ini AMES Hotel menyajikan 45 menu buat para pelanggan dan akan dipelbagai-kali lagi bagi menarik lebih ramai pelanggan.

"Kalau PKP 2.0 diteruskan kita akan terus bertahan dan sentiasa positif, kita kena pastikan semua staf kekal dan dibayar gaji penuh."

"Ini satu cabaran buat kita, dengan lebih 200 kakitangan yang ada kita meneruskan promosi bukan hanya di media sosial malah mengedarkan 'flyers' di banyak kawasan untuk mendapatkan pelanggan baharu," katanya lagi.



AMES Hotel turut membuat perkhidmatan penghantaran makanan kepada pelanggan.



PAUL

TEKS UCAPAN DATUK SERI UTAMA HAJI SULAIMAN MD ALI KETUA MENTERI MELAKA SEMPENA BELANJAWAN TAHUN 2021 NEGERI MELAKA

Penilaian Outcome Program dan Projek Pertanian

Di samping itu, penilaian outcome sesuatu program amat penting bagi memastikan pelaksanaannya, mencapai sasaran yang ditetapkan. Bagi permulaan, penilaian outcome ini dilaksanakan ke atas projek di dalam bidang pertanian. Secara keseluruhan, kita memperuntukkan RM5.53 juta, bagi tempoh lima tahun, bermula 2016 hingga 2020. Beberapa pencapaian baik telah ditunjukkan melalui penilaian outcome yang dilaksanakan, antaranya:

- **PERTAMA:** Projek Penggandaan Lembu Tenus, di mana purata pendapatan penternak meningkat, daripada RM10,000 kepada RM12,000 sebulan;

- **KEDUA:** Program Pembangunan Industri Kelapa berjaya melahirkan 22 orang usahawan baharu kelapa, dengan peningkatan pengeluaran lebih 150 kilogram kelapa, dan bersamaan nilai lebih RM200,000.

- **KETIGA:** Program Konservasi dan Penerangan Penyu Karah, Masjid Tanah, berjaya merekadkan lebih 244 ribu biji telur penyu karah dalam tempoh 2016 hingga 2019.

Daripada jumlah tersebut, lebih 135,000 anak penyu karah, berjaya dilepaskan kembali ke habitat asalnya. Produk pelancongan di Pusat Konservasi ini, berjaya menarik lebih 160,000 orang pelancong ke Melaka.

Atas kejayaan tersebut, Kerajaan Melaka bersetuju meningkatkan peruntukan dalam bidang pertanian, lebih RM1.9 juta.

Sumber Perikanan

Sektor perikanan juga adalah penyumbang kepada sumber makanan dan aktiviti sosio ekonomi penduduk setempat. Dua aktiviti utama, perikanan tangkapan dan akuakultur menyumbang kepada sumber ikan serta pendapatan nelayan dan pengusaha akuakultur di Melaka.

Kita mensasarkan tangkapan perikanan, meningkat kepada 2,000 tan metrik. Manakala, industri akuakultur dijangka kekal pada tahap 3,000 tan metrik, dengan syarat kapasiti pengeluaran sedia ada dapat dikekalkan.

Untuk itu, bagi meningkatkan sumber perikanan di perairan Melaka, program pelepasan benih ikan atau udang ke perairan umum akan dijalankan setiap tahun.

Pada masa ini, Melaka telah berjaya menjadi salah sebuah negeri pengeluar benih ikan marin di Malaysia, iaitu di Zon Industri Akuakultur Sempang, Merlimau.

Selain mengeluarkan udang putih, pusat pengeluaran benih ikan daripada 64 tangki 1 tan dan 24 tangki 2 tan, mampu mengeluarkan 90,000 ekor benih ikan setahun sebanyak RM450,000. Spesis ternakan baharu adalah ikan marin dalam sangkar, kerang-kerangan dan tilapia.

Zon Industri Akuakultur Sebatu, Jasin, akan terus ditumpukan sebagai kawasan utama bagi pengeluaran udang laut dan kupang.

Sehingga 2020, 6 buah ladang akuakultur mendapat persijilan myGAP, dan 1 ladang ikan hiasan serta 1 kilang makanan telah mendapat persijilan Sijil Kualiti Ikan.

Bagi mempelbagaikan pendapatan nelayan, Kerajaan melaksana projek pembangunan berkonsepkan komuniti di pangkalan nelayan. Ia merangkumi aktiviti akuakultur, agro-pelancongan, industri asas tani, bengkel pembakaan bat dan enjin serta pusat pengumpulan.

Bagi melahirkan usahawan berjaya di bidang pertanian, program inkubator selama 3 tahun disediakan. Melaka mempunyai Pusat Transformasi Produk Perikanan di Batu Berendam, mampu mengeluarkan 200 tan metrik keropok lekor bernilai RM1.7 juta setahun.

Dengan persijilan MeSTI dan HALAL, produk ini, berjaya dieksport ke pasaran Brunei, Korea Selatan dan Hong Kong. Pemilihan dan perlantikan usahawan baharu akan dilaksanakan

pada 2021.

Bagi menjamin keselamatan dan keselesaan kepada nelayan, satu zon khas, akan diwujudkan di perairan Melaka, bagi membezakan kawasan untuk kapal berlabuh dan lokasi nelayan menangkap ikan.

Sektor Perniagaan

Melaka kekal antara negeri utama pengeluar telur, ayam daging serta anak ayam di Malaysia, dengan pengeluaran telur ayam melebihi 9 juta biji sehari.

Nilai pengeluaran bagi komoditi ayam sahaja mencecah RM1.4 bilion setahun. Dalam memastikan jaminan bekalan makanan dan keselamatan makanan, Jabatan Perkhidmatan Veterinar, berperanan membantu meningkatkan pengeluaran industri ternakan, selain menjalankan aktiviti mencegah, mengawal dan membasi penyakit haiwan berkepentingan ekonomi serta zoonotik.

Perumahan

Sesuai halatuju "MELAKA RUMAHKU" yang sejahtera tadi, Kerajaan berusaha menyediakan kediaman selesa untuk rakyatnya. Kerajaan akan memberi 5 peratus diskain, bagi semua jenis pembangunan atas Tanah Adat Melaka, untuk harga jualan rumah RM80,000 ke atas, bagi orang Melayu. Melalui Dasar Pecahan Komponen Perumahan, pemaju diwajibkan menyedia kuota bagi rumah kos rendah, rumah kos sederhana rendah dan Rumah Mampu Milik, dalam setiap pembangunan perumahan melebihi 3.2 hektar.

Berhubung itu, bagi memenuhi keperluan permintaan perumahan golongan B40 dan M40, Kerajaan Melaka memperkenalkan Skim Perumahan berikut:

- **PERTAMA:** Bantuan perumahan kepada golongan B40 yang layak melalui Skim Rumah Prihatin. Setakat ini, sebanyak 127 buah rumah diluluskan di Melaka.

- **KEDUA:** Sebanyak 411 unit Perumahan Belia akan dibangunkan lagi di Tanjung Minyak. Pertambahan jumlah itu antara perancangan terbaru kita, selepas kejayaan membina 280 unit perumahan yang sama di Durian Tunggal sebelum ini.

- **KETIGA:** Kita mensasarkan 42,000 unit Rumah Mampu Milik, dibina menjelang 2030. Sebanyak 6,357 unit telah siap dibina, manakala, 17,367 unit sedang dalam pembinaan, dan 15,891 unit lagi dalam perancangan.

- **KEEMPAT:** Lembaga Perumahan Melaka atau LPM akan membina sendiri unit-unit Rumah Mampu Milik di beberapa lokasi seperti, Machap, Semujuk, Rembia dan Kuala Sungai Baru Ilir.

Oleh itu, LPM harus mempunyai land bank' sendiri, dengan anggaran kos pembelian tanah, hampir RM55 juta, dan baki bayaran bagi pengambilan tanah seluas lebih 215 hektar.

Kerajaan Melaka juga akan menawarkan konsep rumah sewa beli atau *Rent to Own* kepada rakyat yang layak seperti, PPR Krubong dan PPR Tehel. Permohonan tersebut memanfaatkan kira-kira 1,100 penyewa untuk memiliki rumah tanpa perlu membuat pinjaman bank. Penyewa hanya menjelaskan ansuran bulanan hingga selesai, dan rumah itu akhirnya bakal menjadi hak milik mereka.

Kerajaan Melaka turut memberi pinjaman perumahan, melalui Melaka *Finance House Berhad*, dengan memfokuskan kemudahan pinjaman, terutama kepada golongan M40 dan B40 untuk membeli rumah atau membina rumah di atas tanah sendiri.

Selain itu, cadangan penambahbaikan Pinjaman Dana Hartanah Bumiputera, dari RM50,000 kepada RM80,000. Setakat 26 November 2020, 374 permohonan pinjaman diluluskan, dengan aman berjumlah lebih RM27.4 juta.

Sistem Jalan Raya

Mengatasi Kesesakan Jalan Raya

Kita beriltizam menyediakan infrastruktur terbaik buat rakyat Melaka, khusus, bagi mengatasi kesesakan jalan raya. Justeru, projek-projek berikut telah dimohon untuk kelulusan tahun 2021, sebanyak RM16.7 juta merangkum:

- **PERTAMA:** Menaiktaraf dan Pembesaran Jalan di Dua Persimpangan Bemban, Jasin, bernilai RM3 juta;

- **KEDUA:** Menaiktaraf Persimpangan di Pekan Kuala Sungga, Alor Gajah, berjumlah RM3 juta; dan

- **KETIGA:** Membina Jalan Pintas Baharu, dari Persimpangan Jalan Alor Gajah Lama ke Taman Murai Jaya, Durian Tunggal, sepanjang 0.8 kilometer bernilai RM10.7 juta.

Penyelenggaraan Jalanraya MARRIS

Di bawah Sistem Maklumat Rekod-rekod Jalan Raya di Malaysia atau MARRIS, Kerajaan Persekutuan menyediakan peruntukan RM100.95 juta, bagi menyelenggara jalan raya di seluruh Melaka sepanjang 5,621 kilometer. Manakala, peruntukan RM21.13 juta pula, bagi menyelenggara Jalan Persekutuan sepanjang 320 kilometer di Melaka.

Projek Jalan Kementerian Pembangunan Luar Bandar atau KPLB

Kita turut membina Jalan Perhubungan Desa, bagi menghubungkan jalan kampung, dengan jalan raya utama. Sehingga 4 November 2020 sahaja, hampir RM4 juta disediakan oleh KPLB, untuk menaiktaraf jalan perhubungan desa sepanjang 23.56 kilometer di seluruh Melaka. Kerajaan Melaka juga memohon kelulusan untuk Projek-projek Baharu RMK-12 berjumlah RM1.507 bilion:

- **PERTAMA:** Menaiktaraf dan Membina Baharu Jalan 4 Lorong Persisiran Pantai dari Hatten City ke Semabok, Melaka Tengah, berjumlah RM651 juta;

- **KEDUA:** Membina Jalan Baharu dan Menaiktaraf Jalan dari Persimpangan Taman Perindustrian Bukit Rambai, Lebuhr SPA ke Pelabuhan Tanjung Beruas, bernilai RM389 juta.

- **KETIGA:** Membina Jalan Baharu dari Kampung Seri Mendapat, Jasin, Melaka ke Tangkak, Johor sebanyak RM150.3 juta;

- **KEEMPAT:** Membina Jalan Baharu dari Kampung Parit Melana ke Kampung Bukit Bulat, Alor Gajah, sebanyak RM99.5 juta;

KELIMA: Menaiktaraf dan Membina Jalan Baharu dari Kg. Bukit Piatu ke Kg. Bukit Baru, Melaka Tengah, sebanyak RM34 juta;

- **KEENAM:** Membina Jalan Baharu dari Kuala Linggi ke Ayer Molek, Masjid Tanah, sejumlah RM133.4 juta; dan

- **KETUJUH:** Membina Jalan Baharu dari Simpang Jalan Serkam-Bemban ke Simpang Jalan Kandang, Jasin, bernilai RM50 juta.

Meningkatkan Infrastruktur dan Sistem Jaringan Jalan Raya

Selanjutnya, projek-projek dalam pembinaan bagi meningkatkan infrastruktur dan sistem jaringan jalan raya di Melaka bernilai RM71.98 juta:

- **PERTAMA:** Projek Infrastruktur Kampung Tersusun Ayer Panas, Bemban berjumlah RM8.78 juta, yang meliputi pembinaan jalan, longkang konkrit, lanskap dan paip retikulasi.

- **KEDUA:** Kerajaan Persekutuan juga meluluskan Projek Pembinaan dan Penubuhan Pusat Haemodialisis Integratif di Bukit Katil serta Bandar Jasin Bestari dan Projek Infrastruktur bagi membina surau, pusat perniagaan, dewan serta sekolah pondok di Kampung Tersusun Bukit Senggeh, Jasin dengan kos keseluruhan hampir RM12.9 juta.

- **KETIGA:** Menaiktaraf Jalan Kampung

Paya Redan Melaka Tengah, sebanyak RM21 juta; dan

- **KEEMPAT:** Membina Jalan Baru dari Hutan Percha ke Pekan Tebong, Alor Gajah, bernilai RM29.3 juta.

Seterusnya, RM88.1 juta diperuntukkan tahun hadapan, untuk projek-projek yang di dalam prakontrak melibatkan:

- **PERTAMA:** Membina Jalan Baharu dari Jalan Solok Ayer Limau ke Kampung Jeram, Masjid Tanah, Alor Gajah, sebanyak RM36 juta;

- **KEDUA:** Cadangan Membina Jalan Baharu dari Persimpangan Rim ke Persimpangan Kg. Ulu Jasin, Jasin, sejumlah RM48.2 juta;

- **KETIGA:** Pemasangan Lampu Isyarat Lintasan Pejalan Kaki iaitu Push Button, di hadapan Sekolah Rendah Asahan, Jasin sebanyak RM200,000;

- **KEEMPAT:** Pemasangan Lampu Isyarat Lintasan Pejalan Kaki iaitu Push Button, di hadapan Sekolah Rendah Bukit Beringin, Alor Gajah bernilai RM200,000; dan

- **KELIMA:** Membina Jejantas bagi Sekolah Menengah Bukit Rambai dan Sekolah Kebangsaan Taman Bukit Rambai, sebanyak RM3.5 juta.

STRATEGI KEDUA BELAS: MEMPERKUKUH INSTIUSI PEREKONOMIAN ISLAM

Memperkuuh Pengurusan Zakat

Menjelang 2021, Zakat Melaka mensasarkan kenaikan 5 peratus daripada kutipan sebenar tahun 2020. Zakat pendapatan adalah penyumbang utama daripada jumlah zakat keseluruhan. Kutipan zakat pendapatan sehingga 30 November 2020 berjumlah RM78.1 juta. Bagi meningkatkan kutipan, Zakat Melaka telah melaksanakan inisiatif berikut:

- **PERTAMA:** Arahan Pelaksanaan Wajib Taksir Zakat Al-Mal Al-Mustafad, atau pembayaran zakat pendapatan bagi penjawat awam beragama Islam, melalui kaedah potongan gaji;

- **KEDUA:** Skim At-Taisir, perkhidmatan pembayaran zakat secara bulanan melalui auto-debit;

- **KETIGA:** iKendiri, aplikasi di laman web Zakat Melaka, memberi kemudahan mentaksir zakat, membuat bayaran dan tambahan zakat, serta

- **KEEMPAT:** Skim EZ Zakat Muamalat, melalui kerjasama di antara Zakat Melaka dan Bank Muamalat, dalam menyediakan fasiliti membuat kiraan dan potongan zakat ke atas akaun simpanan, serta akaun semasa pendeposit beragama Islam.

Lanjutan, kita akan memperkenal Enakmen Zakat dan Fitrah Negeri Melaka, bagi menggalakkan lebih ramai umat Islam membayar zakat. Melalui Enakmen ini, orang ramai perlu membayar zakat, sama seperti membayar cukai pendapatan.

Nasihat Guaman Syarie Percuma

Di garis lain, kita bekerjasama dengan Persatuan Peguam Syarie Melaka, dalam menyediakan nasihat Guaman Syarie secara percuma kepada rakyat Melaka.

Bantuan Wang Tunai One-off Pegawai Syarak

Bagi menghargai khidmat pegawai syarak seperti imam, noja, bilal, dan pembantu fardhu kifayah di seluruh Negeri Melaka, sebanyak RM2.35 juta eluan diberikan.

Tidak cukup itu, tahun depan, kita akan memberi bantuan tunai one-off kepada pegawai-pegawai syarak di 185 buah masjid seluruh Melaka berjumlah RM100.

Bagi menghargai khidmat lelah, maka sukacitanya saya umumkan, Bantuan Khas Kewangan kepada semua penjawat awam negeri Melaka, sebanyak setengah bulan gaji atau minimum RM1,000, yang akan dibayar dua kali pada Disember 2020 dan Januari 2021.

RISIKO

PEMBELIAN UBAT DALAM TALIAN + DARIPADA SUMBER TIDAK SAH

01 Maklumat tidak tepat kerana konsultasi daripada individu tidak bertauliah



03 Mendapat produk tidak berdaftar



05 Mendapat produk yang dicampur dengan racun berjadual



07 Produk dirampas di pintu masuk negara bagi pembelian ubat dari luar negara

02 Mendapat kesan sampingan daripada konsultasi yang tidak tepat dan kesan daripada ubat yang dibeli



04 Mendapat produk tiruan



06 Terdedah kepada iklan yang tidak sahih dan produk yang memudaratkan kesihatan



08 Penipuan/scam

Pastikan semak!

- 01 No. pendaftaran MAL ubat
- 02 No. kelulusan iklan ubat KKLIU

#biarbetuliklanni
www.pharmacy.gov.my

PROGRAM
PERKHIDMATAN
FARMASI



Pesan daripada:
Bahagian Penguatkuasaan Farmasi
Kementerian Kesihatan Malaysia

Misteri Villa Nam Hoe

Hilangnya khazanah kemerdekaan negara

Faiz Hasan

RAMAI yang tidak mengetahui bangunan usang yang dibina pada tahun 1927 terletak di tepi jalan di Klebang merupakan lokasi penting disebalik bibit kemerdekaan negara yang kita nikmati hari ini.

Bangunan dikenali Villa Nam Hoe yang hampir mencecah 100 tahun kini masih teguh berdiri dibina dengan sentuhan Eropah merupakan lokasi pertama Perdana Menteri Pertama, Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj melakukan rundingan bersama Tun Tan Cheng Lock sebaik pulang dari London pada ketika itu.

Pengarah Perbadanan Muzium Melaka (PERZIM), Dr. Mohd Nasruddin Rahman berkata, sebaik pulang dari London dengan membawa khabar gembira negara ini rombongan delegasi itu mendarat di Lapangan Terbang Antarabangsa Melaka di Batu Berendam dan terus ke villa tersebut.

Jelasnya, bangunan tidak didendang itu merupakan lokasi pertama bagi mengadakan rundingan bersama lagenda kemerdekaan negara yang lain untuk membincangkan tentang sambutan kemerdekaan yang bakal diraikan sebelum mengishtiharkan tarikh sebenar terhadap detik bersejarah yang dinantikan rakyat.

"Setelah berbincang di Villa Nam Hoe barulah delegasi itu bergerak ke lokasi kedua iaitu di Bandar Hilir yang terletak di bangunan yang kini dikenali sebagai Bangunan Memorial Pengisytiharan Kemerdekaan bagi mengumumkan tarikh sebenar kemerdekaan negara.

"Menurut Tunku Abdul Rahman pada ketika itu memilih Melaka dijadikan lokasi pertama dalam detik bersejarah itu disebabkan di tanah inilah segala sejarah bermula dan kemudiannya selepas diumumkan di negeri ini barulah delegasi ini berangkat ke Kuala Lumpur bagi meraikan sambutan kemerdekaan negara di pada ketika itu.

"Perkara ini bukannya hanya khabar angin bagaimanapun ia telah termaktub pada Jabatan Arkib Negara yang telah menyimpan pelbagai artifak, kajian sejarah mengenai Tunku Abdul Rahman yang kini memorialnya terletak di Jalan Datuk Onn, Kuala Lumpur dan dimana lokasi itu juga merupakan



kediaman Perdana Menteri pada zaman dahulu," katanya kepada Melaka Hari Ini.

PERMATA YANG TERBIAR MENJADI TANDA TANYA

Tinjauan mendapati, bangunan itu masih teguh berdiri dengan berlantaikan mozek lama yang telah retak seribu ditambah dengan ukiran dinding bermotif corak lama

masih belum rapuh ditelan zaman.

Bagaimanapun, persekitaran bangunan yang ditumbuhi belukar dengan struktur bumbung yang hampir roboh dilihat menyedihkan dan menjadi tanda tanya mengapa lokasi penting dalam sejarah negara dibiarkan dan tidak dimartabatkan sebagai bukti kemerdekaan buat warisan bangsa.

Bagi mempertahankan khazanah tidak didendang ia seharusnya diangkat sebagai sumber warisan negara.

Menurut sumber, Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645) telah menjelaskan warisan adalah seperti warisan kebudayaan, mana-mana tapak warisan, objek warisan, warisan budaya bawah air atau mana-mana orang hidup diisytiharkan sebagai warisan kebangsaan.

Secara umum, warisan boleh dibahagi-

kan kepada empat kategori seperti warisan budaya, warisan alam semula jadi, warisan budaya bawah air dan warisan tokoh orang hidup.

Warisan budaya boleh dipecahkan kepada dua bahagian iaitu warisan budaya ketara dan warisan budaya tidak ketara.

HANYA SEBAB MILIK ORANG

Nasrudin berkata, bangunan itu seharusnya dimartabatkan dan dijadikan di bawah Enakmen Pemeliharaan dan Pemuliharaan Warisan Budaya Melaka bagaimanapun usaha itu terbatas disebabkan ia merupakan milik individu yang mahu menjual tapak dan bangunan itu sehingga mencecah nilai jutaan ringgit dan perlu diuruskan oleh kerajaan pusat.

"Usaha itu hanya mati sekerat jalan kerana tanah yang dimiliki bukan milik kerajaan malah waris pemiliknya tidak lagi menetap di Melaka membuatkan kawasan itu akan sebelum mewartakan sebagai Bangunan Warisan dibawah Akta Warisan Kebangsaan 2005.

"Bangunan ini perlu dipandang kerajaan pusat terhadap nilai dan kepentingan sejarah yang kira miliki kerana sejarah yang ditinggalkan ini berbentuk nasional yang perlu dikekalkan sebagai bukti untuk anak bangsa bahawa lokasi itu merupakan antara lokasi penting disebalik tarikh keramat itu," katanya.

Villa Nam Hoe berusia hampir satu abad itu dibina oleh pemiliknya dikenali Loh Kim Swi dan telah berubah kepada restoran peranakan sekitar tahun 1970-an sebelum dibiar begitu saja sejak 1990-an sehingga kini.

Sungguhpun begitu, sejarah tidak pernah berubah dan tidak boleh diukur dengan wang ringgit malah apa saja yang berkait dengan kemerdekaan negara perlu dikekalkan untuk tatapan generasi akan datang dan bukannya dibiar lenyap di mata anak merdeka.



Peluang Cheng Hoe bentuk keserasian pemain

KEPUTUSAN kerajaan membenarkan skuad bola sepak negara menjalani kem latihan pusat secara kuarantin menjadi medan terbaik untuk Tan Cheng Hoe membentuk keserasian dalam kalangan pemain bagi menghadapi baki tiga perlawanan pusingan kedua kelayakan Piala Dunia 2022/Piala Asia 2023 pada Mac depan.

Ketua jurulatih skuad negara itu turut berterima kasih kepada Menteri Belia dan Sukan Datuk Seri Reezal Merican Naina Merican yang memberi lampu hijau kepada skuad Harimau Melayu untuk meneruskan sesi latihan itu walaupun kerajaan sedang menguatkuaskan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bagi membendung pandemik COVID-19.

Pengendali berusia 52 tahun itu berkata beliau akan mengadakan perbincangan dengan Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM) bagi merangka persiapan rapi skuad kebangsaan bagi meneruskan kem latihan pusat berkenaan mengikut prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan pihak ber-

kuasa.

"Apa pun, dengan kelonggaran untuk kem latihan pusat secara kuarantin ini dibenarkan untuk diadakan, ia sudah tentu memberi peluang kepada kita bagi mempersiapkan pasukan menjelang aksi Mac nanti dengan satu persediaan agak baik," kata Cheng Hoe menerusi hantaran terbaharu di laman Facebook FAM baru-baru ini.

Pandangan sama turut disuarakan pemain pertahanan tengah kebangsaan Aidil Zafuan Abdul Radzak yang melihat perkhabaran gembira berkenaan menjadi pemungkin semangat untuk rakan sepasukannya meneruskan momentum cemerlang dalam pusingan kelayakan pada kali ini.

"Satu berita gembira kepada kami sebagai pemain apabila dapat kembali berlatih bersama selepas lebih setahun tidak dapat berkumpul. Ia satu perkembangan yang positif kepada pasukan dan peluang ini akan digunakan sebaik mungkin," jelas pemain pertahanan Johor Darul Ta'zim itu.

Pemain berusia 33 tahun itu turut menyifatkan kem latihan pusat tersebut



KEPUTUSAN kerajaan membenarkan skuad bola sepak negara menjalani kem latihan pusat secara kuarantin menjadi medan terbaik untuk Cheng Hoe membentuk keserasian dalam kalangan pemain bagi menghadapi baki tiga perlawanan pusingan kedua kelayakan Piala Dunia 2022/Piala Asia 2023 pada Mac depan. Gambar Hiasan

amat penting untuk barisan pemain yang bakal dipanggil kali ini untuk membentuk keserasian memandangkan beberapa negara lain sudah memulakan kem latihan pusat lebih awal termasuk Vietnam, Thailand dan Emiriah Arab Bersatu (UAE).

Skuad Harimau Melayu dijadual meneruskan aksi Kumpulan G pusingan kedua kelayakan Piala Dunia

2022/Piala Asia 2023 ber-temu UAE di tempat lawan pada 25 Mac, sebelum melayan kunjungan Vietnam pada 30 Mac.

Malaysia bakal melengkapkan aksi pusingan awal menentang Thailand pada 15 Jun depan di Bangkok.

Semalam, Reezal Merican mengesahkan pihaknya bersama Majlis Sukan Negara (MSN) dan Persatuan

Bola Sepak Malaysia (FAM) telah mencapai kata sepakat untuk melaksanakan kem latihan pusat skuad kebangsaan di MSN, Bukit Jalil se-cara kuarantin.

Perkembangan itu menyaksikan skuad kebangsaan bakal menjalani latihan berpasukan yang pertama dalam tempoh lebih setahun sejak kali terakhir barisan pemain dikumpulkan pada Novem-

ber 2019.

Skuad Harimau Melayu kini berada di landasan terbaik untuk melayakkan diri ke pusingan akhir Piala Asia 2023 apabila berada di keduakan kedua Kumpulan G Kelayakan Piala Dunia 2022/Piala Asia 2023 dengan mengumpul sembilan mata selepas mengharungi lima perlawanan.

- BERNAMA

Hadi Fayyadh intai kejayaan bersama Azul Claro Numazu

PENYERANG skuad bola sepak Bawah 23 (B-23) tahun kebangsaan Muhammad Hadi Fayyadh Abdul Razak, menyasarkan untuk membantu kelab baharunya iaitu Azul Claro Numazu mencapai kejayaan dalam saingan Divisyen Tiga Liga Jepun (J3 League), pada musim ini.

Beliau yang bakal memakai jersi nombor 27 mengaku teruja untuk mewakili kelab berkenaan, setelah dipinjamkan selama semusim daripada kelab Divisyen Dua Liga Jepun, Fagiano Okayama.

"Saya akan melakukan yang terbaik untuk pasukan ini, bagi menghargai peluang yang telah diberikan bersama pasukan ini. Saya tidak sabar bagi memulakan aksi bersama pasukan Numazu dan mengharapkan segala yang terbaik bagi musim 2021," katanya dalam kejayaan dikeluarkan Yakult Malaysia baru-baru ini.

Dalam pada itu, pemain berusia 20 tahun itu memaklumkan, beliau memilih nombor 27 sebagai simbolik kepada dirinya untuk menjadi lebih baik bersama kelab baharunya. Beliau sebelum ini memakai jersi nombor 28 bersama Fagiano Okayama.

Terdahulu, Muhammad Hadi Fayyadh diperkenalkan secara rasmi sebagai salah seorang daripada 10 pemain baru kelab Azul Claro Numazu bagi musim 2021, pada satu majlis di pusat latihan kelab berkenaan di wilayah Shizuoka, Jepun baru-baru ini.

Keputusan untuk meminjamkan Muhammad Hadi Fayyadh ke kelab Azul Claro Numazu diputuskan bersama oleh Fagiano Okayama dan Yakult Malaysia, bagi membolehkan pemain berkenaan memperoleh lebih banyak minit permainan, selain memberi pengalaman baharu kepada dirinya dalam saingan Divisyen Tiga Liga Jepun.

Muhammad Hadi Fayyadh menyertai Fagiano Okayama pada Disember 2018, namun gagal mendapat tempat dalam kesebelasan utama pasukan berkenaan.

- BERNAMA



HADI Fayyadh sasar bantu kelab baharunya capai kejayaan dalam saingan J3 League pada musim ini.

Foto: Instagram Hadi

Hilang fokus punca Zii Jia tewas



HILANG fokus serta kurang keyakinan diri setelah lebih sembilan bulan tidak beraksi di pentas antarabangsa, menjadi faktor utama perseorangan utama lelaki negara Lee Zii Jia tersingkir awal dari Kejohanan Badminton Toyota Terbuka Thailand di Bangkok, pada 19 Januari lepas.

Perkara berkenaan diakui sendiri oleh jurulatih perseorangan negara Hendrawan yang mendedahkan pemain berusia 22 tahun itu seolah-olah hilang punca, apabila berdepan tekanan ketika menentang pemain kurang ternama dari India Sameer Verma, sebelum tewas 21-18, 25-27 dan 19-21 pada aksi pembukaan kejohanan berstatus Jelajah Dunia Super 1000 itu.

Hendrawan bagaimanapun berharap, pemain ranking ke-10 dunia itu segera bangkit daripada kekalahan tersebut, dan kembali fokus dalam misinya memburu slot ke Sukan Olimpik Tokyo 2020, pada Julai nanti.

"Lebih kurang sama masalah diha-

dapi Zii Jia pada dua kejohanan termasuk Yonex Terbuka Thailand pada minggu lalu, di mana dia hilang keyakinan diri dan apa yang dilakukan seperti dia ragu-ragu dengan permainan sendiri (ketika berada di gelanggang)," katanya kepada Bernama menerusi aplikasi WhatsApp baru-baru ini.

"Kebanyakan lawan dia sudah boleh baca permainan dia dan (lawan dia) lebih berani ajak dia lari ke sana sini di gelanggang, dan kita akan cuba lagi untuk kejohanan seterusnya," jelas Hendrawan.

Kekalahan Zii Jia menyaksikan Malaysia hanya mempunyai wakil tunggal bagi kategori perseorangan lelaki iaitu Liew Daren pada kejohanan yang menawarkan wang tunai keseluruhan berjumlah US\$1 juta (RM4.044 juta) itu.

Zii Jia sebelum ini tewas 17-21 dan 15-21 kepada pemain ranking kedua dunia Chou Tien Chen dari Taiwan, pada aksi suku akhir Kejohanan Yonex Terbuka Thailand di venue yang sama, baru-baru ini.- BERNAMA



Sekilas fakta

PASUKAN bola sepak kebangsaan Malaysia dahulunya dikenali sebagai **Pasukan bola sepak kebangsaan Tanah Melayu** merupakan pasukan bola sepak yang mewakili Malaysia dan ditadbir sepenuhnya oleh **Persatuan Bola Sepak Malaysia**. Pasukan bola sepak Malaysia diiktiraf oleh FIFA sebagai pengganti kepada pasukan bola sepak Tanah Melayu yang telah dibubarkan. Pasukan ini ditubuhkan pada kejohanan **Pestabola Merdeka 1963** sebelum sebelum terbentuknya Malaysia.

Sumber: wikipedia

MELAKA HARI INI / 25 - 31 JANUARI 2021

Sukan

>> PELUANG

Cheng Hoe bentuk keserasian pemain

Lihat muka 23



SESI latihan MUFC kini terganggu selepas pelaksanaan PKP 2.0.

KREDIT FOTO: MUFC



Kegusaran MUFC...

PELAKSANAAN Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 2.0 di seluruh negara mencetuskan kebimbangan buat kelab-kelab bola sepak yang beraksi dalam saingan Liga Malaysia 2021.

Antara yang terkena tempias sudah tentulah Melaka United FC (MUFC) yang baru sahaja ditransformasi ke arah penswastaan dan dipisahkan daripada persatuan bola sepak negeri.

Hal itu diakui Ketua Pegawai Eksekutif MUFC Datuk Mohd Saiful Mat Sapri yang menyifatkan situasi semasa kini boleh memberi kesan besar kepada pasukan sekiranya ia berlanjutan untuk tempoh masa yang lama.

Beliau berkata, kegusaran paling besar ketika ini ialah apabila semua sesi latihan pasukan terpaksa ditangguhkan yang

mana ia boleh mengganggu perjalanan liga dan sekali

gus memberi kesan besar kepada aspek kewangan pasukan.

"Sebab itulah kita meminta sangat Persatuan Bolasepak Malaysia (FAM) agar dapat berbincang dengan Majlis Keselamatan Negara (MKN) bagi membenarkan sesi latihan disambung semula, meskipun terpaksa berlatih di lokasi tertutup.

"Jika skuad kebangsaan dibenar untuk menyambung sesi latihan, mengapa tidak pasukan kelab juga diberi kebenaran yang sama?

"Saya menyuarakan hal ini kerana ia berkait dengan beberapa faktor, yang mana antara faktor utama ialah membabitkan aspek kewangan yang akan terus bertambah," katanya kepada Melaka Hari Ini.

Jelasnya, situasi kewangan boleh menjadi semakin parah sekiranya saingan liga yang dijadual pada hujung bulan depan terganggu dengan situasi ini, yang mana itu boleh menyebabkan penaja menarik balik sokongan kewangan kepada pasukan.

"Setakat ini kantung kewangan MUFC masih berada di tahap memuaskan. Tapi kita risau sekiranya PKP berlanjutan dan menjelaskan liga, kewangan kita akan berada pada fasa membimbangkan sebab ia juga berkait dengan faktor penajaan.

"Kalau penaja menghentikan tajaan, bayangkan betapa besar implikasi yang bakal kita serta pasukan-pasukan lain hadapi. Sebab itulah kita amat berharap saingan liga akan diteruskan seperti biasa," katanya.

Dalam pada itu, mengulas mengenai masalah tunggakan gaji bekas pemain Melaka United, Mohd Saiful berkata, perkara itu sama sekali tidak akan menjelaskan moral skuad Hang Tuah memandangkan ia sudah hambar menemui penyelesaian.

Segala aspek tunggakan itu, ujarnya, akan diuruskan sendiri Persatuan Bolasepak Melaka (MUSA) yang kini sedang menguruskan proses pembayaran.

Hadi Fayyadh intai kejayaan bersama Azul Claro Numazu

PENYERANG skuad bola sepak Bawah 23 (B-23) tahun kebangsaan Muhammad Hadi Fayyadh Abdul Razak, menyasarkan untuk membantu kelab baharunya iaitu Azul Claro Numazu mencapai kejayaan dalam saingan Divisyen Tiga Liga Jepun (J3 League), pada musim ini.

Beliau yang bakal memakai jersi nombor 27 mengakui teruja untuk mewakili kelab berkenaan, setelah dipinjamkan selama semusim daripada kelab Divisyen Dua Liga Jepun, Fagiano Okayama.

Lihat muka 23

